

# TERAS

*BULETIN PEJABAT PENDAFTAR*

**Lawatan Naziran ke Badan Berkanun  
Persekutuan (BBP)**

**Majlis Makan Malam Jasamu  
Dikenang**

**Laporan Penambahbaikan  
Skim Perkhidmatan Baharu**


**Cuti Gantian**

**16 Pekeliling Diterima Pakai**



**UTeM**





Pemilihan gambar batu untuk muka depan Buletin Teras keluaran Edisi ke-19 ini bermaksud:

1 Ukhwah antara staf

2 Kekuatan hati antara staf

3 Kerjasama dan sokongan antara pengurusan atasan dan staf

4 Lambang keteguhan, di mana jika salah satu di antaranya jatuh, yang lain akan menerima kesannya

### Isi Kandungan

- 16 Pekeliling yang diterima pakai **4**
- Program penambahbaikan Skim Perkhidmatan Baharu **10**
- Cuti Gantian **14**
- Time Based berasaskan kecemerlangan **16**
- Lawatan Naziran ke Badan Berkanun Persekutuan (BBP) **17**
- Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang **19**
- Global Outreach Program **20**
- Audit Dalaman 5S **23**
- Taklimat CPD **24**
- UTeM tuan rumah mengendalikan Peperiksaan BITK IPTA **25**
- UTeM Terbilang **26**
- Naik Pangkat **27**
- Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) **28**
- Tamat pengajian **30**
- Dalam kenangan **34**
- Perkahwinan & kelahiran **35**
- Road Show Taklimat Pindaan Peraturan Akademik **36**
- Coretan aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel **37**
- Jenguk-jenguk BCB **38**

### Sidang Redaksi

**Penaung**

Datuk Hasan bin Sirun

**Ketua Editor**

Masdarif bin Mahat

**Editor**

Norihan binti Abu Nawar

**Sidang Redaksi**

Azrina binti Alwi  
Norsuria binti Azis  
Noralisa binti Ramlee  
Mahathir bin Mazizan  
Muhamad Hazrul bin Md Esa

**Jurugambar**

Asri bin Abu  
Jorafiza binti Juki  
Nurulidayu binti Talib  
Mohd Farid bin Sapungi  
Md Nor bin Mohamad Saleh

**Pembaca Pruf**

Norhafizah binti Md Yusoh  
Nurhayati binti Mohd Shariff

**Perekabentuk**

Ratnasaerah binti Azis

## Editorial

01/04/2014  
Edisi 19

Dengan Nama Allah Yang Maha  
Pemurah Lagi Maha Pengasih  
Selawat Dan Salam Kepada Nabi  
Muhammad SAW

### Selamat Sejahtera Kepada Anda Dengan Rahmat Dan Keberkatannya

Daripada Abu Darda' RA, bahawasanya beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang berjalan semata-mata kerana ingin menuntut ilmu. Allah akan permudahkan jalannya ke syurga dan sesungguhnya para malaikat menguncupkan sayap-sayapnya kepada orang yang menuntut ilmu kerana meredhai apa yang dibuatnya; dan sesungguhnya seseorang yang mengajar kebaikan akan dimohon ampun oleh makhluk yang ada di langit mahupun di bumi hingga ikan yang berada di dalam air. Sesungguhnya para Nabi tidak mewariskan dinar tidak juga dirham; yang mereka wariskan hanyalah ilmu dan barang siapa yang menuntut ilmu maka sesungguhnya dia telah mendapat bahagian yang paling banyak."

Syukur Alhamdulillah dengan izin dan limpahan Rahmat dan NikmatNYA, pihak Sidang Redaksi Buletin TERAS dapat menerbitkan Buletin TERAS bagi edisi yang ke-19 ini.

Editorial kali ini ingin membicarakan serba ringkas mengenai kepentingan mencari ilmu. Pelbagai sandaran di dalam Al Quran dan hadis-hadis Nabi serta kata-kata pujangga daripada para ilmuwan dari seantero dunia mengenai kepentingan mencari ilmu dan orang yang berilmu.

**Penulis/Wartawan**

Azhar bin Ismail  
Azrina binti Alwi  
Hazrin binti Kasim  
Norsuria binti Azis  
Junaidah binti Kasim  
Erdalia Erna binti Daud  
Noor Izwann binti Amil  
Marsita binti Mohd Taib  
Mohd Hairull bin Abdolah  
Norma Hayati binti Hashim  
Mohd Azmi bin Hj. Mat Said

Muhamad Hazrul bin Md Esa  
Laila Zahidah binti A.Rahman  
Nur Fazilah binti Mohd Kassim  
Mohamad Razali bin Adduman  
Mohd Shahrul Nizam bin Shukor  
Muhamad Yusof bin Mohamad Dan  
Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Pemeriksaan tadbir urus sesebuah organisasi amat bergantung kepada keutuhan dan ketahanan warganya dalam mendepani cabaran dan rintangan persaingan domestik dan global. Pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku adalah antara ciri-ciri kualiti kekuatan yang perlu dipertingkatkan dan dikuasai oleh semua warga kerja sesebuah organisasi untuk menjamin kelangsungan dan keberadaan entiti tersebut.

Dengan pelbagai teknologi dan pembekal-pembekal ilmu ini amat mudah untuk kita mencari dan memilih kesesuaian modul yang diinginkan. Hendak yang mana satu? Terpulang pada diri sendiri cabang ilmu yang mana hendak diceburi agar ia dapat memberi manfaat kepada diri dan komuniti.

Jalan-jalanlah, carilah ilmu kerana ilmu itu tidak datang dengan sendiri. Ilmu dicari bukan untuk kemegahan diri, tetapi untuk kekuatan diri dan organisasi. Oleh itu, mestilah dicari dengan berhati-hati. Mana satu diinginkan oleh diri sendiri dan mana satu keperluan organisasi. Kesesuaian masa, tempat dan tujuan ilmu yang dicari perlulah seimbang dan diteliti. Terokai ilmu dengan niat yang ikhlas dan bersih. Jangan menyisih dari landasan yang suci, takut-takut nanti niat dan tujuan mencari ilmu tidak diberkati sedangkan pokoknya kehidupan adalah mencari keredhaan Illahi. Carilah ilmu yang memperkasakan hati kerana di situlah benihnya kekuatan segala apa yang diinginkan. Ilmu berlandaskan Al Qur'an dan hadis Nabi tentunya dapat melindungi diri daripada hasutan iblis dan syaitan yang tidak pernah leka dan bersungguh-sungguh menyesatkan diri.

Carilah mursyid, guru, mentor, muallim, fasilitator, penceramah atau apa saja gelarannya yang bertauliah. Yang memberi ilmu perlulah dengan ikhlas, mudah-mudahan ilmu itu ada keberkatannya kepada guru dan muridnya.

### SURAH AL-ANKABUT Ayat 43

Dan perumpamaan-perumpamaan ini Kami buat untuk manusia; dan tiada yang memahaminya kecuali orang-orang yang berilmu.

### SURAH IBRAHIM Ayat 22

Dan berkatalah pula syaitan setelah selesai perkara itu: "Sesungguhnya ALLAH telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar dan aku telah menjanjikan kamu lalu aku mungkirkan janjiku kepada kamu; dan tiadalah bagiku sebarang alasan dan kuasa untuk mempengaruhi kamu selain daripada aku telah mengajak kamu lalu kamu terburu-buru menurut ajakanku itu; maka janganlah kamu salahkan aku tetapi salahkan diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menyelamatkan kamu dan kamu juga tidak dapat menyelamatkan aku. Sesungguhnya dari dahulu lagi aku telah kufur (ingkarkan perintah Tuhan) yang kamu sekutukan aku denganNYA." Sesungguhnya orang-orang yang zalim (yang meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya) beroleh azab yang tidak terperi sakitnya.

Sidang Redaksi kali ini juga mengetengahkan beberapa maklumat baru sebagai panduan kepada warga kerja Universiti dan juga masyarakat institusi pengajian tinggi amnya. Antara perkara yang menarik untuk bacaan dan panduan adalah mengenai laporan penambahbaikan skim perkhidmatan yang baharu yang memberi kesan kepada kemajuan kerjaya warga kerja Universiti. Maklumat semasa mengenai Cuti Gantian pula diharap dapat membantu staf untuk memahami dan menggunakan kemudahan tersebut dengan lebih baik lagi. Dimuatkan juga dengan aktiviti lawatan naziran oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri ke UTeM pada 13 Februari 2014 yang lalu. Hasil lawatan naziran tersebut adalah amat memuaskan di mana UTeM telah diberi penarafan cemerlang (*significantly exceed target*). Terima kasih kepada semua staf yang terlibat secara langsung dalam menyediakan maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh pihak ICU.

Pihak kami juga amat mengharapkan pandangan dan ulasan yang membina daripada para pembaca sekalian khususnya daripada warga kerja Universiti dalam mempertingkatkan lagi kemantapan isi kandungan serta reka bentuk Buletin TERAS ini sesuai dengan tujuan penerbitannya.

Selamat membaca dan moga bermanfaat kepada saudara dan saudari.

Wassalam,  
Masdarif bin Hj. Mahat



# 16 PEKELILING DITERIMA PAKAI

## Universiti Teknikal Malaysia Melaka Menerima Pakai Enam Belas (16) Pekeliling Perkhidmatan Berkaitan Penambahbaikan Skim-Skim Perkhidmatan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka

oleh: Junaidah binti Kasim

Pada 25 Oktober 2013, YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2014 telah mengumumkan Penambahbaikan 81 Skim Perkhidmatan Awam di mana proses penambahbaikan ini memberi peluang peningkatan gred jawatan melibatkan para penjawat awam. Sehubungan dengan itu, telah dikeluarkan senarai 27 Pekeliling Perkhidmatan untuk membuat pindaan kepada 81 skim yang terlibat seperti di bawah:

	Pekeliling Perkhidmatan	Tarikh Kuat Kuasa	Bilangan
1	Pindaan Skim Perkhidmatan Jururawat Dengan Memperuntukkan Perbekalan Kenaikan Pangkat Ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi	1 Jun 2013	Bil. 9 Tahun 2013
2	Pindaan Terma Dan Perubahan Had Umur Kenaikan Pangkat Secara Lantikan	1 Julai 2013	Bil. 10 Tahun 2013
3	Penjumudan Skim Perkhidmatan Juruteknik Dan Pindaan Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan, Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina Dan Penolong Juruukur Bahan	1 Julai 2013	Bil. 11 Tahun 2013
4	Penjumudan Skim Perkhidmatan Juruteknik Ukur, Juruteknik Landskap Dan Juruteknik Perancang Bandar Dan Desa Serta Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Juruukur, Penolong Arkitek Landskap Dan Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	1 Julai 2013	Bil. 12 Tahun 2013
5	Penjumudan Skim Perkhidmatan Pembantu Pertanian Dan Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Pertanian, Pembantu Veterinar Dan Penolong Pegawai Veterinar	1 Julai 2013	Bil. 13 Tahun 2013
6	Skim Perkhidmatan Pensyarah Farmasi	1 November 2013	Bil. 14 Tahun 2013
7	Penggabungan Perkhidmatan Galian, Kimia Bumi Dan Kaji Bumi Kepada Perkhidmatan Geosains Di Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia	1 November 2013	Bil. 15 Tahun 2013
8	Pindaan Nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R)	1 November 2013	Bil. 16 Tahun 2013
9	Pindaan Skim Perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan dan Penghantar Notis	1 November 2013	Bil. 17 Tahun 2013
10	Pindaan Skim Perkhidmatan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah dan Pembantu Perawatan Kesihatan	1 November 2013	Bil. 18 Tahun 2013
11	Skim Perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam	1 November 2013	Bil. 19 Tahun 2013
12	Penjumudan Skim Perkhidmatan Pemandu Enjin (Keretapi Bukit Bendera)	1 November 2013	Bil. 20 Tahun 2013
13	Pindaan Skim Perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik	1 November 2013	Bil. 21 Tahun 2013

	Pekeliling Perkhidmatan	Tarikh Kuat Kuasa	Bilangan
14	Skim Perkhidmatan Pembantu Kemahiran	1 November 2013	Bil. 22 Tahun 2013
15	Pertukaran Pelantikan Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Jumud Kepada Skim Perkhidmatan Yang Berkuat Kuasa	1 November 2013	Bil. 23 Tahun 2013
16	Pindaan Skim Perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Ahli Fotografi, Jurusolek, Pereka Dan Pegawai Berita	1 November 2013	Bil. 24 Tahun 2013
17	Pindaan Skim Perkhidmatan Pembantu Hidupan Liar Rendah Dan Pembantu Hidupan Liar	1 November 2013	Bil. 25 Tahun 2013
18	Skim Perkhidmatan Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah Bagi Pemakaian Di Sabah Dan Sarawak	1 November 2013	Bil. 26 Tahun 2013
19	Penjumudan Skim Perkhidmatan Pembantu Kawalan Trafik Udara	1 November 2013	Bil. 27 Tahun 2013
20	Pindaan Skim Perkhidmatan Guru Bahasa	1 November 2013	Bil. 28 Tahun 2013
21	Perubahan Nama Dan Pindaan Syarat Lantikan Skim Perkhidmatan Pegawai Perancang Bahasa Dan Penolong Pegawai Perancang Bahasa	1 November 2013	Bil. 29 Tahun 2013
22	Pindaan Skim Perkhidmatan Pegawai Rancangan Tanah	1 November 2013	Bil. 30 Tahun 2013
23	Pindaan Skim Perkhidmatan Pemandu Lokomotif	1 November 2013	Bil. 31 Tahun 2013
24	Pindaan Skim Perkhidmatan Pembantu Wartawan/Wartawan	1 November 2013	Bil. 32 Tahun 2013
25	Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan	1 November 2013	Bil. 33 Tahun 2013
26	Pindaan Skim Perkhidmatan Pegawai Pertahanan Awam, Penolong Pegawai Pertahanan Awam, Pembantu Pertahanan Awam, Penolong Penguasa Imigresen/Penguasa Imigresen Dan Pegawai Imigresen	1 November 2013	Bil. 34 Tahun 2013
27	Tambahan Syarat Indeks Jisim Badan (Body Mass Index) Dalam Perbekalan Ukuran Fizikal	1 November 2013	Bil. 35 Tahun 2013

Walau bagaimanapun hanya 15 Pekeliling daripada 27 pekelling yang telah diterima pakai berkaitan penambahbaikan Skim-Skim perkhidmatan yang terdapat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka. 15 Pekeliling ini dan ditambah dengan 1 lagi Pekeliling Perkhidmatan Bil. 36 tahun 2013 iaitu Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum gred 1 hingga 54 di bawah Sistem Saraan Malaysia.

Oleh yang demikian, Mesyuarat Lembaga Pengarah (LPU) Bil 6/2013 pada 30 Disember 2013 telah meluluskan 16 Pekeliling Perkhidmatan dengan Pindaan. Pekeliling ini juga boleh didapati dengan melayari [www.utem.edu.my/pendaftar](http://www.utem.edu.my/pendaftar) dan [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my). Jadual berikut ialah ringkasan setiap pekelling tersebut dan pindaan:



Pekeliling	Tajuk Pekeliling	Catatan
1 Pekeliling Perkhidmatan 9 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Jururawat Dengan Memperuntukkan Perbekalan Kenaikan Pangkat Ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai peruntukan <b>perbekalan kenaikan pangkat ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi bagi skim perkhidmatan Jururawat</b> .
2 Pekeliling Perkhidmatan 10 Tahun 2013	Pindaan Terma Dan Perubahan Had Umur Kenaikan Pangkat Secara Lantikan	<p>i. Pegawai yang dilantik secara KPSL dan ada 2 jenis KPSL iaitu KPSL biasa dan KPSL Istimewa (khusus kepada penyandang dalam skim perkhidmatan jumud).</p> <p>ii. Had umur pelantikan KPSL kekal pada umur 54 tahun sehingga kini walaupun ada pindaan dari 56, 58 dan 60 tahun.</p>
3 Pekeliling Perkhidmatan 11 Tahun 2013	Penjumudan Skim Perkhidmatan Juruteknik dan Pindaan Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan, Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Juruukur Bahan	<p>Memaklumkan <b>Penjumudan Skim Perkhidmatan Juruteknik dan Pindaan Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan, Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Seni Bina dan Penolong Juruukur Bahan</b>. Pindaan terhadap perenggan 26 dan perenggan 39.</p> <p>26. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan <b>sementara</b> atau <b>kontrak</b> dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.</p> <p><b>PINDAAN</b></p> <p>26. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan <b>sementara</b> atau <b>kontrak</b>. Pegawai sedia ada yang dilantik kontrak dipertimbangkan untuk berkhidmat sehingga tempoh kontrak berakhir. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu apabila tempoh kontrak staf berakhir.</p> <p><b>JUSTIFIKASI</b></p> <p>Seorang staf berjawatan Juruteknik Gred J17 telah dilantik secara kontrak pada 1 November 2013 selama dua (2) tahun. Syarat lantikan skim perkhidmatan Juruteknik pada ketika itu memerlukan syarat subjek Bahasa Melayu lulus pada peringkat SPM.</p> <p>Berdasarkan pekeling baru yang dikeluarkan oleh JPA bertarikh 10 November 2013, syarat lantikan baru Juruteknik perlu mempunyai kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM bagi calon lantikan baru berkuat kuasa 1 November 2013. Calon telah pun melaporkan diri bertugas pada 1 November 2013.</p>

Pekeliling	Tajuk Pekeliling	Catatan
4 Pekeliling Perkhidmatan 12 Tahun 2013	Penjumudan Skim Perkhidmatan Juruteknik Ukur, Juruteknik Landskap dan Juruteknik Perancang Bandar Dan Desa Serta Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Juruukur, Penolong Arkitek Landskap Dan Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	Memaklumkan berkenaan <b>Penjumudan Skim Perkhidmatan Juruteknik Ukur, Juruteknik Landskap Dan Juruteknik Perancang Bandar Dan Desa Serta Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Juruukur, Penolong Arkitek Landskap Dan Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa</b> .
5 Pekeliling Perkhidmatan 16 Tahun 2013	Pindaan Nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R)	Memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai <b>pindaan nama Klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R)</b> kepada Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran (H).
6 Pekeliling Perkhidmatan 17 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan Dan Penghantar Notis	Memaklumkan berkenaan <b>pindaan Skim Perkhidmatan Operator Loji, Pemandu Kenderaan Dan Penghantar Notis</b> .
7 Pekeliling Perkhidmatan 18 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Pemandu/Operator Jentera Pemungkah Dan Pembantu Perawatan Kesihatan	Memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai <b>pindaan skim perkhidmatan Pemandu/Operator Jentera Pemungkah dan Pembantu Perawatan Kesihatan</b> .
8 Pekeliling Perkhidmatan 19 Tahun 2013	Skim Perkhidmatan Pembantu Operasi dan Pembantu Awam	<p>Memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai <b>pindaan skim Pembantu Operasi dan Pembantu Awam (N1 - N4) dan (R1 - R4)</b>.</p> <p>Pindaan kepada perenggan 28 dan perenggan 41.</p> <p><b>ASAL</b></p> <p>28. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara atau kontrak dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.</p> <p><b>PINDAAN</b></p> <p>28. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara atau kontrak. Pegawai sedia ada yang dilantik kontrak dipertimbangkan untuk berkhidmat sehingga tempoh kontrak berakhir. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu apabila tempoh kontrak staf berakhir.</p>



Pekeliling	Tajuk Pekeliling	Catatan
		<b>Justifikasi</b>
		Seorang staf berjawatan Pembantu Am Pejabat Gred N1 telah dilantik secara kontrak pada 1 Jun 2010 dan tempoh kontrak akan berakhir pada 31 Mei 2014. Syarat lantikan skim perkhidmatan Pembantu Am Pejabat pada ketika itu memerlukan syarat subjek Bahasa Melayu lulus pada peringkat PMR.
		Berdasarkan pekeliling baru yang dikeluarkan oleh JPA bertarikh 10 November 2013, syarat lantikan baru Pembantu Am Pejabat perlu mempunyai kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PMR bagi calon lantikan baru berkuat kuasa 1 November 2013.
9	Pekeliling Perkhidmatan 21 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik
		Memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pindaan Skim Perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik.
10	Pekeliling Perkhidmatan 22 Tahun 2013	Skim Perkhidmatan Pembantu Kemahiran
		Memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai penggabungan Skim Perkhidmatan Tukang K3, Tukang K2 dan Tukang K1 kepada Skim Perkhidmatan Pembantu Kemahiran.
11	Pekeliling Perkhidmatan 23 Tahun 2013	Pertukaran Pelantikan Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Jumud Kepada Skim Perkhidmatan Yang Berkuat kuasa
		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pegawai yang berada di gred 1 hingga 10 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang bersesuaian di gred 11 yang menggunakan syarat lantikan di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR)</li> <li>ii. Pegawai yang berada di gred 11 dan ke atas akan ditukar lantik ke gred yang setara.</li> </ul>
12	Pekeliling Perkhidmatan 24 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Ahli Fotografi, Jurusolek, Pereka dan Pegawai Berita
		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pindaan semua skim perkhidmatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Bakat dan Seni dan skim perkhidmatan Pegawai Berita.</li> <li>ii. Pindaan ini melibatkan pindaan nama skim perkhidmatan, penyusunan semula gred jawatan dan hierarki perkhidmatan serta peningkatan tanggungjawab dan kompleksiti tugas.</li> <li>iii. Kerajaan juga bersetuju mewujudkan perbekalan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) daripada skim perkhidmatan Ahli Fotografi, Artis Budaya dan Jurusolek kepada skim perkhidmatan lain yang lebih tinggi berdasarkan kesesuaian serta kesinambungan peranan dan fungsi tugas yang dijalankan.</li> </ul>

Pekeliling	Tajuk Pekeliling	Catatan
13	Pekeliling Perkhidmatan 28 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Guru Bahasa
		Skim perkhidmatan Guru Bahasa yang berkuat kuasa dipinda seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tambahan satu (1) lapisan gred kenaikan pangkat iaitu Gred DG54; dan</li> <li>ii. Syarat lantikan skim perkhidmatan Guru Bahasa yang baharu iaitu ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf</li> </ul>
14	Pekeliling Perkhidmatan 33 Tahun 2013	Pindaan Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan
		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nama skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan diubah kepada Penolong Pustakawan;</li> <li>ii. diperuntukkan perbekalan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) dari skim perkhidmatan Penolong Pustakawan ke skim perkhidmatan Pustakawan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan. Berikutan dengan pindaan skim perkhidmatan ini, perbekalan PSL bagi skim perkhidmatan Pembantu Perpustakaan, Pembantu Pemuliharaan dan Pustakawan turut dipinda. Perbekalan lain dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan adalah dikekalkan.</li> </ul>
15	Pekeliling Perkhidmatan 35 Tahun 2013	Tambahan Syarat Indeks Jisim Badan (Body Mass Index) Dalam Perbekalan Ukuran Fizikal
		Memaklumkan Tambahan syarat Indeks Jisim Badan (Body Mass Index [BMI]) dalam perbekalan ukuran fizikal bagi 16 skim perkhidmatan yang sedang berkuat
16	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 36 tahun 2013	Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum Maksimum gred 1 hingga 54 di bawah Sistem Saraan Malaysia.
		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penambahbaikan struktur gaji mengikut prinsip kadar upah mengikut kerja dan kelayakan masuk yang diperlukan, serta prinsip relativiti dan pariti</li> <li>ii. Gaji maksimum tertentu dalam JGMM diperkemas bagi menampung prinsip penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat. Seterusnya gaji maksimum ditambah sebanyak dua kenaikan gaji tahunan (KGT) bagi membolehkan pegawai menikmati Pergerakan Gaji Tahunan (PGT)</li> <li>iii. Amaun gaji minimum dan maksimum dalam JGMM dibundarkan</li> <li>iv. Pewujudan kod gaji H bagi Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran menggantikan kod gaji R bagi klasifikasi Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir</li> </ul>



# Laporan: Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Baharu

oleh: Mohd Shahrul Nizam bin Shukor, Nur Fazilah binti Mohd Kassim & Norma Hayati binti Hashim

Senarai 27 Pekeliling Perkhidmatan Penambahbaikan 81 Skim Perkhidmatan Seperti Yang Diumumkan YAB Perdana Menteri Dalam Pembentangan Bajet 2014 Pada 25 Oktober 2013 telah dimuat naik ke dalam portal JPA pada 10 November 2013. Sehubungan itu, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah mengaturkan beberapa aktiviti/gerak kerja untuk memastikan penambahbaikan skim tersebut dilaksanakan dengan teratur.

**1** Satu Task Force di peringkat Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) ditubuhkan untuk mengkaji keperluan skim perkhidmatan baharu. Semua 27 Pekeliling disemak satu per satu bagi mengenalpasti keperluan atau relevansinya kepada UTeM. Kesimpulannya, terdapat 15 Pekeliling Perkhidmatan yang terlibat di UTeM. Selain itu, terdapat satu pekeling baharu berkaitan Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Gred 1 hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia turut dilaksanakan.

**4** Taklimat dan Penyerahan Borang Opsyen diadakan pada 15 Januari 2014 kepada staf yang terlibat dengan skim perkhidmatan baharu. Sebanyak 3 sesi diadakan mengikut klasifikasi perkhidmatan kejuruteraan, kemahiran, perubatan, pentadbiran dan sokongan. Taklimat ini diadakan bagi menyampaikan maklumat terperinci berkaitan penambahbaikan skim perkhidmatan yang terlibat selain menyerahkan borang opsyen kepada staf yang terlibat. Tempoh masa yang diberi bagi tujuan mengemukakan borang opsyen adalah selama 30 hari (13 Februari 2014).

**2** Pra-Taklimat Opsyen diadakan pada 15 November 2013 kepada semua staf yang terlibat berkaitan penambahbaikan skim perkhidmatan baharu, penawaran opsyen serta taklimat mengenai kenaikan pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK 13 Tahun) bagi staf kumpulan pelaksana yang berada di gred lantikan. Selain itu juga, Pra-Taklimat ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan berkaitan keperluan salinan sijil kelayakan akademik bagi tujuan semakan pengiktirafan kelayakan.

**5** Seiring dengan keperluan opsyen dan penambahbaikan skim perkhidmatan, Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) perlu ditambahbaik bagi menepati keperluan semasa maklumat perjawatan. Kerjasama dengan Pusat Komputer dan Pejabat Benda-hari ini melibatkan penambahan dan penambahbaikan klasifikasi perkhidmatan, skim perkhidmatan dan gred baharu, perubahan kod gaji dan juga penambahan sub modul baharu.

**3** Semakan Pengiktirafan Kelayakan Akademik dan Pengesahan Sijil PMR/SPM/Sijil/Diploma bagi semua staf yang terlibat dilaksanakan mulai Disember 2013 melalui sistem e-Sisraf dalam portal JPA. Maklumat setiap staf disemak satu per satu bagi memastikan borang opsyen yang dikeluarkan adalah mengikut syarat dan kriteria sesuatu skim perkhidmatan.

**6** Setelah menerima borang opsyen daripada staf, BPSM perlu menyemak dan mengemaskini maklumat berdasarkan kepada pilihan opsyen staf. Selain itu, penjanaaan penyata perubahan (R.O.C) bagi opsyen pertukaran pelantikan dilaksanakan bagi memastikan setiap perubahan pelantikan direkodkan dan memastikan emolomen dan tunggakan dibayar pada bulan Mac 2014. Antara R.O.C yang dijana adalah seperti berikut:

- Pelarasan Semula Gaji (247 orang);
- Penjanaaan R.O.C Opsyen (325 orang);
- Penjanaaan Semula Pemindahan Gaji Julai 2013 Mengikut PP 5/2013 (181 orang);
- Penjanaaan Semula Kenaikan Gaji Tahunan Januari 2014 (148 orang); dan
- Tunggakan Gaji Dan Elaun (189 orang).

Bagi kes staf yang belum memenuhi syarat ke skim perkhidmatan baharu dan staf yang menerima opsyen ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara Time-Based Kecemerlangan (TBK 13 Tahun), staf tersebut akan kekal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dalam skim perkhidmatan asal dan akan ditukar lantik sehari selepas staf tersebut memenuhi syarat. Pemantauan berterusan terhadap staf dalam kategori ini akan dilakukan bagi memastikan staf tersebut ditukar lantik pada masa yang ditetapkan.

**Rumusan:**

Terdapat kelebihan dan kekurangan pada opsyen yang ditawarkan kepada staf yang terlibat berdasarkan kepada 15 Pekeliling Perkhidmatan yang relevan dengan senario perjawatan di UTeM. Walau bagaimanapun, staf sendiri perlu menentukan pilihan opsyen masing-masing sama ada untuk terus ditukar lantik atau menanggungkan tukar lantik ke skim perkhidmatan baharu sehingga selepas kenaikan pangkat secara Time-Based Kecemerlangan (TBK 13 Tahun).

## INTIPATI PEKELILING Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Baharu



**Prinsip umum tukar lantik**

- Staf yang layak: tetap sahaja di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)
- Umur Persaraan: 60 tahun
- Jawatan melibatkan Opsyen:





## 2 Pelukis Pelan




### KAEDAH TUKAR LANTIK:

1. **Memiliki** sijil/diploma Kejuruteraan Awam/Seni Bina berdasarkan **bidang pengkhususan & kelayakan:**
2. **Tidak memiliki** sijil/diploma Kejuruteraan Awam/Seni Bina



## 3 Juruteknik Lanskap

SEDIA ADA




PINDAAN

### KAEDAH TUKAR LANTIK:



## 5 Tukang K2, K3

### TUKANG K2, TUKANG K3 : PENGGABUNGAN SKIM PERKHIDMATAN




#### Justifikasi:

- Peningkatan syarat lantikan minimum ke perkhidmatan awam di peringkat PMR.
- Menggalakkan *multi-skilling/ multi-tasking*.
- Mengurangkan bilangan skim perkhidmatan dan pertindihan tugas skim perkhidmatan.
- Menambah baik laluan kerjaya.

## 6 Operator Loji, Pemandu Kenderaan, Pembantu Perawatan Kesihatan


### OPERATOR LOJI, PEMANDU KENDERAAN, PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN : KENAIKAN TARAF SKIM PERKHIDMATAN



## 4 Penjaga Jentera Elektrik



### KAEDAH TUKAR LANTIK:



## 7 Pembantu Am Pejabat, Pekerja Awam

### PEMBANTU AM PEJABAT, PEKERJA AWAM : PENGGABUNGAN SKIM PERKHIDMATAN



#### Justifikasi:

- Peningkatan syarat lantikan minimum ke perkhidmatan awam di peringkat PMR.
- Menggalakkan *multi-skilling/ multi-tasking*.
- Mengurangkan bilangan skim perkhidmatan dan pertindihan tugas skim perkhidmatan.
- Menambah baik laluan kerjaya.



## DEFINISI

Cuti yang diberi kepada seseorang staf yang tidak berkelayakan mendapat bayaran kerana bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain kerana dipanggil bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan. Cuti gantian hendaklah sama banyak dengan masa yang dipanggil bertugas lebih masa tersebut.

# CUTI GANTIAN

oleh: Norma Hayati binti Hashim

## Peraturan Menjalankan Kerja Lebih Masa Bagi Tujuan Tuntutan Cuti Gantian

**1** Kerja-kerja lebih masa adalah bermaksud kerja-kerja yang dijalankan di luar waktu bekerja yang ditetapkan kepada seseorang staf (waktu bekerja biasa atau giliran), iaitu bagi maksud untuk menjalankan tugas-tugas rasmi seseorang staf yang berkaitan dengan tugas rasmi jawatan hakikinya atau tugas rasmi bagi jawatannya. Semua staf dalam Kumpulan Pelaksana di UTeM layak dibayar bayaran bekerja lebih masa apabila mereka dikehendaki bekerja lebih daripada masa bekerja biasa yang disyaratkan atau dipanggil bertugas dalam masa kecemasan. Kerja-kerja yang berkaitan dengan kerja-kerja peribadi adalah **tidak dikira** sebagai kerja lebih masa. Walau bagaimanapun, staf boleh memilih untuk dibayar kerja lebih masa atau boleh diberi **cuti gantian** sebagai kerja lebih masa yang telah dilaksanakan.

**4** Kerja lebih masa yang diarahkan oleh Ketua Jabatan di mana pada pandangannya adalah mustahak untuk kepentingan awam atau kepentingan perkhidmatan. Ini bermakna bahawa kerja-kerja lebih masa yang dilakukan oleh seseorang staf tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya tanpa adanya arahan dari Ketua Jabatan atau pegawai atasannya untuk melayakkan dibayar bayaran lebih masa, dan bagi maksud tuntutan bayaran lebih masa ataupun tuntutan cuti gantian.

**8** Cuti gantian ini hendaklah diambil pada bila-bila masa dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tugas. Jika tidak diambil dalam tempoh berkenaan akan dianggap luput. [JPA 43/26 Klt. 2 (109) bertarikh 8/6/1995 surat kepada JPM]

**2** Mengikut Perintah Am 40 Bab C, cuti gantian boleh diberi, apabila staf diarah oleh Ketua Jabatannya untuk bertugas lebih masa dan tidak dibayar bayaran lebih masa atau bayaran khas lain seperti sagu hati. Seseorang staf hendaklah mempunyai **9 jam bekerja lebih masa** (untuk bekerja biasa) bagi melayakkan diberi satu (1) hari cuti gantian [PA 17Bab G 1974]

**3** Kerja lebih masa seperti di atas, sama ada dijalankan di dalam kawasan ibu pejabat atau di luar kawasan ibu pejabat, boleh dibayar bayaran lebih masa atau staf boleh memilih untuk diberi cuti gantian kepada staf yang berkelayakan dengan syarat ia mematuhi peraturan-peraturan yang diterima pakai.

**6** Tiada tuntutan lebih masa yang akan dibayar atau pun bagi tujuan tuntutan cuti gantian semasa perjalanan ke suatu destinasi yang diarahkan bertugas / menjadi urus setia dan sebaliknya melainkan staf (Pemandu Kenderaan).

**5** Tiada tuntutan lebih masa yang akan dibayar atau pun bagi tujuan tuntutan cuti gantian semasa perjalanan dari rumah ke tempat kerja atau sebaliknya.

**7** Staf yang menghadiri kursus/bengkel/latihan amali/seminar dan seumpamanya adalah tidak layak di bayar bayaran lebih masa atau diberi cuti gantian, kecuali staf yang dilantik menjalankan tugas sebagai urus setia yang mengendalikan kursus/bengkel/latihan amali/seminar tersebut.

## ELAKSANAAN

**1** Pemberian Cuti Gantian hendaklah memenuhi peraturan dan syarat seperti berikut;

**a** Permohonan adalah mengikut masa sebenar bertugas lebih masa iaitu sembilan (9) jam kerja lebih masa bersamaan satu (1) hari Cuti Gantian.

**b** Cara-cara memohon Cuti Gantian

i. Staf dikehendaki memohon jumlah jam kerja lebih masa yang dibuat untuk tujuan permohonan Cuti Gantian yang akan disahkan oleh penyelia, disokong oleh Ketua Bahagian dan diluluskan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab menggunakan borang BPSM 24.

ii. Kerja lebih masa kurang daripada satu (1) jam tidak dibenarkan untuk dikumpulkan sehingga berjumlah sembilan (9) jam bagi menuntut satu (1) hari Cuti Gantian. Waktu rehat tidak boleh diambil kira dalam pengiraan jam kerja lebih masa.


iii. Staf hendaklah mengemukakan permohonan cuti gantian berdasarkan jumlah jam Cuti Gantian yang diluluskan para 1 (b) (i) menggunakan borang BPSM 23.

**c** Cuti Gantian hanya boleh dipohon dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kerja lebih masa tersebut dijalankan.

**d** Permohonan Cuti Gantian hendaklah disokong oleh Ketua Bahagian dan diluluskan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab. Kelulusan pemberian Cuti Gantian adalah berdasarkan **budibicara Ketua Pusat Tanggungjawab** tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan kepentingan awam.

**e** Staf dikehendaki merakamkan waktu keluar dan masuk di perakam waktu sebagai bukti melakukan kerja lebih masa. Bagi staf yang bertugas di luar stesen, perlu mengemukakan surat arahan kerja serta bukti kerja tersebut dijalankan.

Rujukan : Perintah Am Bab C, para 40  
Pekeliling Pentadbiran JPA 43/26 Klt 2

  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**BORANG PERMOHONAN JUMLAH CUTI GANTIAN**

NAMA : \_\_\_\_\_  
NO. STAF : \_\_\_\_\_ PTJ : \_\_\_\_\_  
GRED/JAWATAN : \_\_\_\_\_ TELEFON : \_\_\_\_\_

RINGKASAN TUNTUTAN:

Tarikh	Masa Mula	Masa Tamat	Deskripsi Tugas	Jam Yang di Pokon	Pengesahan Pegawai
Jumlah					

UNTUK KEGUNAAN KUASA YANG MENYOKONG CUTI (Ketua Bahagian)  
Sila ( / ) di petak yang berkenaan:  DISOKONG  TIDAK DISOKONG


Ulasan: \_\_\_\_\_

Tandatangan & Cop Rasmi Jawatan \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_

UNTUK KEGUNAAN KUASA YANG MELULUSKAN CUTI (Ketua Pusat Tanggungjawab)  
Permohonan tuan untuk mendapatkan jumlah Cuti Gantian telah disemak. Berdasarkan Perintah Am Bab C, Bahagian VI, Cuti Tidak Berekod perkara 40 Cuti Gantian permohonan tuan adalah:  DILULUSKAN SEPENUHNYA  TIDAK DILULUSKAN  DIHADKAN KEPADA \_\_\_\_\_

Tandatangan Dan Cop Rasmi Jawatan \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_

Note:  
• Diarahkan bertugas lebih masa sama ada hari bekerja, hari cuti rehat atau hari kelepasan am.  
• 1 hari bersamaan 9 jam bertugas lebih masa

  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**BORANG PERMOHONAN CUTI GANTIAN**

UNTUK DISI OLEH STAF (Disi dalam huruf besar) KEGUNAAN PTJ  
Baki Jam Cuti Gantian : \_\_\_\_\_  
T/Tangan PT (PIO) : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_ PTJ : \_\_\_\_\_  
NO. STAF : \_\_\_\_\_ TEL : \_\_\_\_\_  
JAWATAN : \_\_\_\_\_

Saya ingin memohon Cuti Gantian selama \_\_\_\_\_ hari mulai \_\_\_\_\_ dan/hingga \_\_\_\_\_  
Saya akan kembali bertugas pada \_\_\_\_\_. (Sila sertakan lampiran berkenaan maklumat tuntutan)  
Sebab bercuti adalah \_\_\_\_\_  
Alamat saya semasa bercuti : \_\_\_\_\_ Telefon : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

UNTUK KEGUNAAN KUASA YANG MENYOKONG CUTI (Ketua Bahagian)  
Sila ( / ) di petak yang berkenaan  DISOKONG  TIDAK DISOKONG

Ulasan: \_\_\_\_\_

Tandatangan & Cop Rasmi Jawatan \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_

UNTUK KEGUNAAN KUASA YANG MELULUSKAN CUTI (Ketua Pusat Tanggungjawab)  
Sila ( / ) di petak yang berkenaan  DILULUSKAN  TIDAK DILULUSKAN

Ulasan: \_\_\_\_\_

Tandatangan & Cop Rasmi Jawatan \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT PENDAFTAR  
Permohonan tuan bersama lampiran (borang permohonan jumlah cuti gantian) telah disemak. Berdasarkan Perintah Am Bab C, Bahagian VI, Cuti Tidak Berekod perkara \_\_\_\_\_  
Permohonan tuan adalah :-  LAYAK  TIDAK LAYAK

Tandatangan Dan Cop Rasmi Jawatan \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_

Note: \* Staf diarahkan bertugas lebih masa samada hari bekerja, hari cuti mingguan/kelepasan am  
\* 9 jam bertugas bersamaan 1 hari cuti gantian



Pada 1 Julai 2009, Kerajaan telah memutuskan pelaksanaan kenaikan pangkat secara time-based bagi pegawai Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat 15 tahun dan lebih dalam skim perkhidmatan semasa secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Kerajaan kemudiannya telah bersetuju untuk menambah baik dan memperkukuhkan lagi kaedah kenaikan pangkat pegawai Kumpulan Pelaksana berdasarkan kepada prinsip Time-Based berasaskan kecemerlangan. Dengan laluan kerjaya ini, tempoh kenaikan pangkat secara KUP telah dipendekkan daripada 15 tahun kepada 13 tahun. Penambahbaikan ini juga mengambil kira penilaian kecemerlangan.

Pelaksanaan kenaikan pangkat berdasarkan time-based berasaskan kecemerlangan ini diperjelaskan pada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2013 (PP 8/2013) dan ia telah diterima pakai secara keseluruhan oleh UTeM berdasarkan persetujuan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada mesyuaratnya bilangan 6 tahun 2013.

Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara time-based berasaskan kecemerlangan adalah seperti berikut:

- 1 Pegawai yang dilantik secara tetap oleh Pihak Berkuasa Melantik, masih berada di gred lantikan dan telah memenuhi tempoh perkhidmatan 13 tahun atau lebih dalam skim perkhidmatan semasa pada 1 Julai 2013;
- 2 Pegawai dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu yang berada di gred kenaikan pangkat yang setara dengan gred lantikan permulaan dalam sesuatu kumpulan kelayakan masuk seperti Penolong Pegawai Latihan Vokasional yang dinaikkan pangkat ke Gred J30 (setara Gred J29) dan Pereka yang dinaikkan pangkat ke Gred B18 (setara Gred B17);
- 3 Pegawai yang meninggal dunia pada atau selepas 1 Julai 2013 dan telah berkhidmat 13 tahun ke atas;
- 4 Pegawai yang memilih untuk kekal dalam Sistem Saraan baru (SSB)/Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) layak dipertimbangkan dalam urusan ini tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan di bawah SSB/JKK 1976; dan
- 5 Pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan jumud di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)/SSB/JKK 1976 tertakluk kepada syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Pegawai yang tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara time-based berasaskan kecemerlangan adalah seperti berikut:

- 1 Pegawai yang dilantik secara terus ke gred kenaikan pangkat atau ke gred lantikan yang setara dengan gred kenaikan pangkat dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu.
- 2 Pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang diperuntukan tempoh time-based berbeza seperti Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma, Konstabel dan Lans Koperal dalam Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia, Prebet dan Lans Koperal dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia; dan

## TIME BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN

oleh: Noor Izwanni binti Amil

- 3 Pegawai yang bersara pada atau sebelum 1 Julai 2013.

Langkah Kerajaan dalam memperkenalkan time-based berasaskan kecemerlangan ini dilihat memberikan peluang perkembangan kerjaya bagi pegawai Kumpulan Pelaksana di mana tanpa perlu menanti kekosongan waran untuk dinaikkan pangkat. Namun elemen kecemerlangan tetap ditegaskan dalam pertimbangan Jawatankuasa Pemilih ketika memperakukan pegawai untuk ke gred yang lebih tinggi.

Semoga staf UTeM lebih bermotivasi dan terdorong untuk memberikan hasil kerja yang cemerlang dengan time-based berasaskan kecemerlangan seterusnya menyumbang kepada prestasi cemerlang Jabatan khususnya dan Universiti amnya.



## Lawatan NAZIRAN

oleh: Laila Zahidah binti A.Rahman

### Ke Badan Berkanun Persekutuan (BBP): UTeM Oleh : Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)

13 Februari 2014 – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima Lawatan Naziran daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Tujuan lawatan ini diadakan adalah bertujuan untuk meneliti aspek-aspek pengurusan BBP, menilai prestasi program/projek pembangunan yang menerima peruntukan pembangunan, perbincangan mengenai penilaian "outcome" ke atas program/projek pembangunan yang telah dilaksanakan serta menyemak pematuhan kepada pekeliling/surat pekeliling berkaitan.

Lawatan ini turut meliputi sesi taklimat ringkas yang dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Sesi taklimat ini turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi UTeM, YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBhg. Datuk Pendaftar, Bendahari, Ketua Pegawai Eksekutif UTeM Holdings Sdn. Bhd., Pengarah-pengarah serta wakil-wakil daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Sesi taklimat ringkas yang perlu dibentangkan merangkumi penerangan berkenaan latar belakang organisasi, fungsi dan objektif penubuhan, program/aktiviti utama, pelan strategik terkini, pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dipantau bagi mengukur kejayaan organisasi bagi tahun 2013 dan penilaian "outcome" bagi program/aktiviti utama yang telah dilaksanakan. Sesi perbincangan, semakan dokumen-dokumen dan perhatian terhadap Statutory Body System (SBSys) yang dibangunkan untuk BBP turut disemak status kemaskini pihak UTeM.

Hasil Pemerhatian Lawatan Naziran yang dijalankan oleh pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu Puan Mutazira binti Abdul Mubin; Timbalan Pengarah Bahagian Badan Berkanun & Pembangunan Institusi bersama Penolong Pengarah beliau Puan Nur Dalila binti Rahmad, telah membuat


penilaian dan memberikan skor dengan menyatakan prestasi UTeM adalah cemerlang (significantly exceed target) dengan deskripsi tahap pencapaian  $\geq 95\%$ .





Komen dan harapan daripada pihak ICU kepada UTeM, berharap agar UTeM akan terus menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi kepada masyarakat khususnya dan negara amnya. Di samping itu, UTeM juga wajar untuk terus menempa kejayaan di peringkat tertinggi dalam pelbagai bidang yang dapat mengharumkan nama Negara.

Sekalung penghargaan dan terima kasih daripada pihak Universiti kepada semua staf UTeM yang terlibat di atas komitmen dan sumbangan yang telah diberikan dalam memastikan perjalanan yang lancar dan dapatan Lawatan Naziran ini mencapai tahap CEMERLANG.



# Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang

oleh: Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin

Pada 27 Januari 2014 yang lalu, pihak Universiti telah menganjurkan Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang yang bertujuan meraikan jasa bakti mantan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah kepada pembangunan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Majlis ini telah diadakan bertempat di salah sebuah hotel ternama di Melaka iaitu Hotel Ramada Plaza Melaka.

Majlis ini diadakan khas bagi menghargai segala jasa dan sumbangan mantan-mantan yang diraikan iaitu:

- 1 YAB. Datuk Seri Dr. Ir. Haji Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka;
- 2 YBhg. Prof. Dr. Azali bin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif, Kolej Poly-Tech Mara (KPTM);
- 3 YBhg. Prof. Dr. Shamsuddin bin Baharin, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti) Universiti Malaysia Pahang (UMP);
- 4 YBrs. En. Tajol Azhar bin Md. Tahir, Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam, Kementerian Kewangan Malaysia; dan
- 5 Y.M. Cik Ku Maharum binti Ku Yaacob, Ketua Projek, Seksyen Sumber Manusia, Jabatan Peguam Negara.

Majlis yang turut diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob selaku Tun Canselor dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Hajah Zurina binti Kassim turut memperlihatkan kehadiran Pro-Canselor, Pengerusi, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab UTeM.

Majlis telah dimulakan dengan kata aluan oleh YBhg. Datuk Naib Canselor dan disusuli dengan ucapan oleh YAB. Datuk Seri Dr. Ir. Haji Idris bin Haji Haron. Beliau telah menyampaikan ucapan ringkas namun padat dengan kata-kata dorongan, nasihat dan harapan demi kesejahteraan pembangunan Universiti yang lebih mampan.

Makan malam yang diringi oleh alunan muzik oleh Bridged Seni Melaka telah diakhiri dengan penyampaian cenderahati yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM.

**UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
 (ICU JPM)  
**BANGUNAN PERDANA PUTRA**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
 62502 PUTRAJAYA  
 MALAYSIA

**ICU**  
 JABATAN PERDANA MENTERI  
 Fone : 03-88881957  
 03-88883646  
 www.gov.my

**TAHAP PENCAPAIAN - DESKRIPSI**

Insentif bagi memastikan kepatuhan pada tahap pencapaian bagi projek...  
 memberikan insentif dan outturn...  
 insentif semestian berkali-kali...  
 berde pada tahap yang optimum...  
 Pendekatan program...  
 kumuhlar rasar serta...  
 Pencapaian Petunjuk...  
 UTM yang amat baik.

YBhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan  
 Naib Canselor  
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
 Hang Tuah Jaya  
 Durian Tunggal  
 76100, Melaka

YBhg. Prof. Datuk Dr.,  
**HASIL PEMERHATIAN LAWATAN NAZIRAN KE BADAN BERKANUN**  
**PERSEKUTUAN: UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Prof. Datuk Dr. kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Prof. Datuk Dr. sedia maklum, Unit ini telah menjalankan lawatan ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 13 Februari 2014 untuk meneliti aspek-aspek pengurusan pembangunan yang telah siap dilaksanakan...  
 pekelliling/surat pekelliling yang berkaitan...  
 penghargaan dan ucapan terima kasih...  
 diberikan sepanjang masa.

**PENILAIAN DAN PEMBERIAN SKOR**

22. Secara keseluruhannya, UTeM telah mematuhi hampir kesemua keperluan yang digariskan dalam Pekelliling/Surat Pekelliling Am yang berkaitan. Berdasarkan pemerhatian dan semakan yang dijalankan prestasi UTeM adalah cemerlang (*significantly exceed target*) dalam memenuhi kriteria yang digariskan seperti berikut: Selain

RECEIVED  
 03 MAR 2014  
 Pejabat Naib Canselor



# GLOBAL OUTREACH program (GOP)

## JASUMA : HONG KONG

Oleh : Mohd Azmi bin Hj. Mat Said

Setelah beberapa bulan merancang untuk menjayakan Global Outreach Program (GOP), Jawatankuasa Sumber Manusia IPTA (JASUMA) di beberapa universiti terkemuka di Asia maka ianya telah berjaya direalisasikan. Dua lawatan *benchmarking* telah dirancang dengan jayanya iaitu ke beberapa universiti terkemuka di negara Hong Kong dan Korea Selatan.

Sebagai ahli dalam JASUMA, saya telah terpilih untuk melawat beberapa universiti di Hong Kong. Tujuan diadakan program sebegini antara lain adalah untuk melihat amalan-amalan terbaik dari segi pengurusan sumber manusia. Ianya meliputi aspek-aspek seperti perancangan dan struktur sumber manusia, tadbir urus dan akauntabiliti, sistem pengurusan data staf serta bajet dalam menguruskan tenaga manusia di sesebuah universiti.

Selain saya yang mewakili UTeM, delegasi seramai 9 orang ini adalah terdiri dari wakil-wakil pengurus sumber manusia iaitu Dr. Aniah bte Baharom (UiTM), En. Mohd Faizi bin Othman (UPSI), Pn. Zoraini bte Ibrahim (UKM), Pn. Ruhaida bte Mohd Yusof (UPM), En. Nasriman bin Hj. Abd Rahman (UNIMAS), Pn. Majedah bte Mokhtar (UNISZA), Pn. Fazielah bte Mohamad (UPNM) serta En. Md. Khir bin Mohd Yunus dari UM sebagai ketua delegasi.

Lawatan selama 6 hari 5 malam ini bermula dari 16 hingga 21 Februari 2014. Penerbangan pada 16 Februari 2014 dari LCCT Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong yang terletak di Pulau Chek Lap Kok ini memakan masa selama 4 jam. Kedinginan cuaca dari 5-12°C menyambut kedatangan kami. Dari lapangan terbang kami menuju ke tempat penginapan di Harbour Plaza Resort City, kira-kira satu setengah jam dari lapangan terbang.

Perbincangan selama 2 jam itu meliputi aspek-aspek berkaitan pengambilan staf, perkhidmatan, penilaian prestasi latihan serta sistem data staf. Dengan jumlah pelajar seramai 18,000 orang, CUHK didokongi oleh seramai 7,191 orang staf dari pelbagai kategori iaitu Pensyarah (termasuk 418 Profesor), Penyelidik, Pentadbiran dan Staf Sokongan. Selesai perbincangan, para delegasi dibawa melawat sekitar kampus. Pelbagai kemudahan asas disediakan untuk warga kampus khususnya para pelajar di CUHK ini.



Bergambar bersama Pengarah Bahagian Personel CUHK, Puan Amy TY Leung



Perbincangan bersama Pengarah Bahagian Personel CUHK, Puan Amy TY Leung



Bergambar di pintu masuk CUHK

Apa yang menarik perhatian saya tentang universiti ini ialah walaupun baru 22 tahun penubuhannya, universiti ini telah berjaya berada di ranking pertama antara universiti-universiti di Asia. Saya sempat bertanya kepada Puan Sylvia apakah resipi kejayaan sehingga boleh meletakkan HKUST di tangga pertama ranking Asia? Beliau menjelaskan bahawa faktor kepimpinan dan kepemimpinan memainkan peranan penting mengatasi segala-galanya. Beliau mengatakan bahawa pucuk pimpinan universiti itu merupakan mereka yang 'put their heart and soul into developing the university'.



Taklimat oleh HKUST



Bersama Puan Christina Ng dan Puan Polly Lee dari Pejabat Sumber Manusia HKU

Hari kedua, kami telah dibawa melawat ke Hong Kong University of Science & Technology (HKUST). Ketibaan kami telah disambut oleh Puan Sylvia SW Lee, merupakan antara orang terawal di universiti ini sejak ditubuhkan dan memegang jawatan sebagai Pengarah Sumber Manusia. Delegasi kami telah diterangkan tentang pengurusan dan pentadbiran universiti. Dengan staf keseluruhan seramai 3,386 orang, HKUST mempunyai pelajar seramai 13,000 orang di mana 4,000 adalah pelajar pasca siswazah.

Hari ketiga pada 19 Februari 2014, destinasi lawatan seterusnya adalah ke University of Hong Kong (HKU). Merupakan universiti tertua di Hong Kong, ianya telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1911. Berteraskan penyelidikan dan bersifat komprehensif, HKU mempunyai jumlah pelajar seramai 27,000 orang. Dengan bilangan staf akademik hampir 5,000 orang, HKU mempunyai antara teramai tenaga akademik bergelar Profesor iaitu seramai 1,090 yang datang dari pelbagai negara selain Hong Kong seperti China, UK, US, Australia dan Canada.



Pada 20 Februari 2014, para delegasi telah dibawa melihat sekitar bandaraya Hong Kong. Pelbagai tempat menarik telah dilawati seterusnya memberikan pengalaman baru kepada para delegasi seperti di Avenue of Stars, Ladies Market, menaiki bot Jong Duk Ling serta melawat beberapa masjid iaitu Masjid Kowloon dan Masjid Ammar & Osman Ramju di tengah-tengah pusat bandar Hong Kong.



Bergambar di hadapan Masjid Ammar & Osman Ramju Sadick



Bergambar di hadapan Masjid Kowloon

Saya dapat merumuskan sepanjang lawatan ilmiah ke tiga buah universiti tersebut berdasarkan penerangan dan pemerhatian amalan terbaik ketiga-tiga universiti ini adalah mereka meletakkan integriti di tempat pertama dalam segala hal dan urusan. Mereka sangat peka terhadap dana kerajaan yang diperuntukkan dan cara penggunaannya. Pengurusan tertinggi sangat fokus terhadap hala tuju universiti di samping mempunyai disiplin dan semangat bekerja yang amat tinggi.



Bergambar di hadapan Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong sebelum berlepas pulang ke Malaysia.

# AUDIT 5S

## Dalam

Oleh : Mohamad Razali bin Adduman

### Pra Audit Dalam 5S Pejabat Pendaftar

Amalan 5S adalah bermatlamat untuk mewujudkan suasana persekitaran kerja yang berkualiti dengan cara yang bersestematik dan praktikal. Pelaksanaan Amalan 5S yang berkesan akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja selain dapat memberi nilai tambah kepada imej sesebuah organisasi tersebut.

Amalan 5S yang merupakan asas kepada peningkatan kualiti dan produktiviti secara berterusan selain mengutamakan aspek kebersihan, kecekapan, kemesraan, ketepatan, penyeragaman dan keselamatan dilihat dapat membantu membentuk disiplin sesebuah organisasi.

### Aktiviti Pra Audit Dalam 5S

Untuk makluman, aktiviti ini dijalankan adalah bertujuan untuk menilai inisiatif tahap pelaksanaan dan amalan aktiviti 5S yang telah dijalankan oleh setiap zon di Pejabat Pendaftar.

Sehubungan itu, satu aktiviti Pra Audit Dalam 5S Siri 1 telah berjaya dijalankan pada ketetapan berikut:

**Tarikh:** 23 Januari 2014

**Masa:** 8.30 pagi - 12.00 tengah hari

**Lokasi Pra Audit 5S:** Semua 8 Zon di Pejabat Pendaftar

### Ahli Jawatankuasa Audit 5S Pejabat Pendaftar

- En. Mohamad Razali bin Adduman
- Pn. Norsuria binti Azis
- Pn. Hazrin binti Kasim
- En. Mohd Hamdan bin Abdul Talib
- Pn. Nurhayati binti Mohd Shariff
- Pn. Roslita binti Jaafar
- Pn. Siti Aisya binti Daud
- Pn. Rohayati binti Abdullah

### Skop Pra Audit 5S

ASPEK YANG DIAUDIT	MARKAH (%)
1 Keperluan Utama Pelaksanaan 5S	29
2 Ruang Pejabat	65
3 Tempat Umum	6

Jumlah keseluruhan: 100



### Kesimpulan

Setelah pra audit selesai dijalankan, secara keseluruhannya semua zon di Pejabat Pendaftar telah menjalankan aktiviti 5S dengan sokongan dari semua peringkat pengurusan. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan aktiviti ini. Hasil audit juga telah menunjukkan bahawa semua staf mampu untuk menjadikan amalan 5S ini suatu budaya yang baik di tempat kerja. Suasana tempat kerja yang sangat baik dengan keadaan persekitaran yang kemas diharapkan dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja yang baik.





# TAKLIMAT CPD 2014


oleh: Hazrin binti Kasim

Bagi membangunkan kompetensi staf dan melestarikan pembelajaran sepanjang hayat di UTeM, Universiti telah melaksanakan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang mensasarkan setiap staf perlu diberi latihan tujuh (7) hari setahun serta melaksanakan Pembangunan Profesional Berterusan (CPD). Seajar dengan itu, bagi memastikan pelaksanaan latihan dan CPD dapat dilaksanakan secara berterusan, Unit Kompetensi, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah menganjurkan taklimat CPD yang berlangsung pada 12 Februari 2014, bertempat di Auditorium Canselori dan disampaikan oleh Y.Bhg Engr. Prof. Marizan bin Sulaiman, selaku Penyelaras CPD UTeM.

Secara amnya, Pembangunan Profesional Berterusan atau *Continuous Professional Development* (CPD) adalah proses pembelajaran sepanjang hayat yang perlu dihayati oleh setiap warga Universiti bagi meningkatkan kompetensi staf dari segi pengetahuan, kemahiran dan jati diri yang selari dengan aspirasi Universiti dan Negara. Bagi mengangkat objektif CPD itu sendiri, setiap staf adalah dipastikan tidak ketinggalan dalam memahami keperluan dalam melengkapkan mata CPD. Seramai hampir 130 orang staf yang terdiri daripada staf baharu dan staf yang telah tamat cuti belajar daripada semua PTj telah memenuhi ruang Dewan Auditorium.

Peserta didedahkan dengan kepentingan dan matlamat CPD, format penggredan CPD, penetapan mata CPD berdasarkan bulan berkhidmat serta kolerasi mata CPD dan markah prestasi staf (LPPT). Selain itu juga, peserta turut dimaklumkan beberapa penambahbaikan Program CPD 2014 yang telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Kompetensi UTeM.

Sesi soal jawab mengakhiri sesi taklimat CPD dengan harapan staf dapat mendapatkan pemahaman yang lebih tepat dan jelas berkaitan CPD.



## Penambahbaikan CPD 2014

- ✓ Beberapa kursus khusus untuk staf akademik diletakkan di bawah kompetensi umum mengikut kepada kesesuaian kandungan kursus.
- ✓ Program-program anjuran CRIM yang tidak mencapai 6 jam berkursus sehari, mata jam tersebut akan digabungkan dengan program yang berkaitan untuk melayakkan mencukupi 6 jam berkursus.
- ✓ Ahli Jawatankuasa bagi program-program anjuran PTj diberikan mata CPD tidak tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan sebelum ini dan tertakluk kepada 2 program utama PTj sahaja serta perlu mendapatkan kelulusan daripada Penyelaras CPD untuk pengesahan mata CPD.

info

# UTeM Tuan RUMAH mengendalikan PEPERIKSAAN BITK IPTA

oleh: Azrina binti Alwi

Buat pertama kalinya UTeM telah dilantik sebagai tuan rumah untuk mengendalikan Peperiksaan BITK seluruh IPTA bagi tahun 2013 dan 2014. Peperiksaan BITK bagi tahun 2013, telah dilaksanakan pada 10 Disember 2013 yang melibatkan kerjasama antara Unit Pengesahan Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dan Unit Pematuhan dan Pengurusan Risiko, Pejabat Bendahari.


Peperiksaan BITK ini selaras dengan peruntukan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999 (PP 3/99). Bayaran Insentif ini diberi sebagai insentif kepada Pembantu Tadbir untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran serta melaksanakan tugas dengan lebih dedikasi dan tanggungjawab.

Di samping Pembantu Tadbir yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa, pertimbangan khas juga diberi kepada Pembantu Tadbir yang bertugas bersendirian di pejabat kecil dan menjalankan tugas kewangan di samping tugas lain.

Setelah mengkaji semula pelaksanaan bayaran BITK, Kerajaan bersetuju supaya bayaran insentif ini dipanjangkan kepada skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah dari Pembantu Tadbir, PA dan PT(K) yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa.

BITK dibayar atas kadar RM40.00 sebulan bagi mereka yang tidak memiliki sijil dan RM80.00 bagi mereka yang mempunyai sijil.

Seramai 724 orang dari seluruh IPTA telah menduduki peperiksaan BITK ini bagi tahun 2013 dan keputusan peperiksaan ini dijangka akan dimaklumkan kepada semua calon selewat-lewatnya pada akhir bulan April 2014 ini.





# UTeM TERBILANG

## Tingkat Kefahaman dan Peranan Staf dalam Organisasi

oleh: Azrina binti Alwi

Program UTeM Terbilang Bil. 1/2014 telah diadakan pada 21 - 27 Februari 2014 bertempat di Seri Menanti Resort, Negeri Sembilan dan Auditorium Canselori Kampus Induk, UTeM. Program kali ini melibatkan seramai 75 orang staf yang terdiri daripada 44 orang staf akademik dan 31 orang staf pentadbiran. Program telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM, Y.Bhg Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan pada 27 Februari 2014 bersempena dengan Majlis Aku Janji Staf Baru yang merupakan salah satu agenda utama dalam program ini.

Program UTeM Terbilang adalah bertujuan untuk memberi kefahaman tentang hala tuju Universiti kepada staf baharu. Pelaksanaan program ini telah dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi ceramah dan sesi kerja berpasukan. Sesi ceramah telah diadakan di Auditorium Canselori selama 3 hari bermula pada 24 - 27 Februari 2014 yang menyentuh tentang topik Pengurusan Universiti. Ceramah telah dikendalikan oleh Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan Universiti.

Sebelum itu, program orientasi staf baru telah diadakan di Seri Menanti Resort, Negeri Sembilan pada 21 - 23 Februari 2014. Pada sesi ini, peserta telah didedahkan dengan aktiviti "Explorace", "War Game", "LDK" dan "Water Rafting" yang dikendalikan oleh fasilitator dari Seri Menanti Resort. Program selama tiga (3) hari itu bertujuan untuk merapatkan silaturahim di kalangan staf baharu tanpa mengira gred jawatan melalui beberapa program yang disediakan.

Program yang dirancang selama 7 hari dan telah dilaksanakan diharap dapat membantu meningkatkan pengetahuan staf tentang hal ehwal universiti dan peranan yang perlu dilaksanakan di sepanjang perkhidmatan mereka di UTeM.

# Tahniah! NAIK PANGKAT

oleh: Noor Izwanni binti Amil

Urusan Kenaikan Pangkat Akademik bagi siri 2/2013 telah berlangsung bermula 1 Ogos 2013 sehingga 21 Ogos 2013 di mana polisi kenaikan pangkat Akademik yang telah disemak dan ditambahbaik menjadi rujukan buat pertama kali. Markah minimum untuk layak temu duga adalah 70% untuk ke DS52, 75% untuk ke DS54 dan 80% ke VK7 serta syarat mempunyai pelajar pasca telah bergraduat bagi DS54 dan VK7 telah dilaksanakan buat pertama kali pada eksekusi ini.

Staf Akademik gred DS45 yang telah berjaya memperolehi PhD bagi pengajian yang diluluskan oleh Universiti turut diundang untuk menghadiri temu duga ke Gred DS52. Berikut adalah senarai staf yang telah berjaya di dalam temu duga kenaikan pangkat dan seterusnya dinaikkan pangkat.

### Profesor Madya Gred DS54

1. Profesor Madya Dr. Tay Choo Chuan- FKE
2. Profesor Madya Dr. Md Nizam bin Ab Rahman- FKP
3. Profesor Madya Engr. Dr. Hambali bin Arep@Ariff- FKP
4. Profesor Madya Dr. Abd Samad bin Hasan Basari- FTMK

### Pensyarah Kanan Gred DS52

1. Dr. Anis Suhaila Binti Mohd Zain - FKEKK
2. Dr. Khoo Chin Foon- FKEKK
3. Dr. Mohd Azlishah bin Othman- FKEKK
4. Encik Nik Mohd Zarife bin Hashim- FKEKK
5. Puan Ainain Nur binti Hanafi- FKE
6. Dr. Aliza binti Che Amran- FKE
7. Engr. Anuar bin Mohamed Kassim- FKE
8. Encik Zamani bin Md. Sani- FKE
9. Dr. Mohd Basri bin Ali- FKM
10. Dr. Nor Azmi bin Masripan- FKM
11. Dr. Rafidah binti Hasan- FKM
12. Dr. Reduan bin Mat Dan- FKM
13. Dr. Effendi bin Mohamad- FKP
14. Dr. Liew Pay Jun- FKP
15. Encik Mohd Yuhazri bin Yaakob- FKP
16. Dr. Suriati binti Akmal- FKP
17. Dr. Zurina binti Shamsudin- FKP
18. Encik Ariff bin Idris- FTMK
19. Puan Nuzulha Khilwani binti Ibrahim- FTMK

20. Dr. Wahidah binti Md Shah- FTMK
21. Dr. Amiruddin bin Ahamat- FPTT
22. Ir. Mohd Farriz bin Hj Md Basar- FTK
23. Dr. Aida Nasirah binti Abdullah- PBPI
24. Dr. Mahadi bin Abu Hassan- PBPI
25. Dr. Shamsul Anuar Bin Shamsudin- FKM
26. Dr. Haslinda Binti Musa - FPTT

Buat pertama kali Universiti turut melaksanakan eksekusi kenaikan pangkat bagi Guru Bahasa berdasarkan kepada kriteria kenaikan pangkat Guru Bahasa. Berikut adalah staf dari Skim Perkhidmatan Guru Bahasa yang telah berjaya di dalam proses temu duga:

### Guru Bahasa Gred DG44

1. Puan Cheong Kar Mee
2. Puan Fazidah binti Ithnin
3. Puan Noor Baiduri binti Abd Halim
4. Puan Noor Maslian binti Othman @ Abdul Halip
5. Puan Nurdayana Izyan binti Ahmad Ahsan



"Alhamdulillah. Segala puji bagi ALLAH, Rabb sekalian alam. Sujud dan syukur hanya pada NYA di atas kurniaan di mana pengajian Ijazah Kedoktoran telah berjaya disempurnakan, seterusnya melayakkan saya untuk kenaikan pangkat ke DS 52. Sungguhpun perjalanan PhD berbalam kegelapan, namun, ada cahaya dari NYA yang menerangkan. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada pihak Universiti di atas sokongan dan dokongan terhadap kenaikan pangkat ini. Mudah-mudahan dengan kejayaan ini, ia akan menjadi penyubur semangat untuk saya terus meningkatkan kecemerlangan dan sumbangan demi kejayaan Universiti keseluruhannya."

Dr. Anis Suhaila Binti Mohd Zain



Pada 21 Januari 2014 telah diadakan temu duga kenaikan pangkat untuk kenaikan ke Gred N44 bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir. Semua Penolong Pendaftar Gred N41 yang telah mencukupi syarat layak untuk memohon. Staf yang telah berjaya di dalam proses temu duga adalah seperti berikut:

**Penolong Pendaftar Kanan Gred N44**

1. Puan Norma Hayati binti Hashim  
- Pejabat Pendaftar
2. Encik Mokhtar bin Aman - Pejabat Canselori
3. Encik Ahmad Faizal bin Abdul Rahman  
- Pejabat Canselori

Temu duga untuk pengisian jawatan kenaikan pangkat Gred W32 bagi Skim Perkhidmatan Penolong Akauntan telah diadakan pada Pada 15 Januari 2014. Kekosongan jawatan adalah disebabkan penyandang asal iaitu Puan Noridah binti Talib yang bersara pada 6 Januari 2014. Staf dari Skim Perkhidmatan Penolong Akauntan Gred W27 yang telah mencukupi syarat layak memohon. Staf yang berjaya di dalam proses temu duga adalah:

**Penolong Akauntan Kanan Gred W32**

1. Encik Mahathir Mohd Bin Habib Mohamed  
- Pejabat Bendahari

**Tahniah**

kepada semua yang berjaya dan Universiti mengharapkan agar kecemerlangan perkhidmatan diteruskan.

Assalamualaikum,

Alhamdulillah. Bersyukur kepada Allah atas nikmat dan rezeki yang diurahkan. Sesungguhnya nikmat yang dikurniakan kepada kita setiap hari adalah satu ujian dari Allah untuk kita terus bersyukur kepada penciptanya. Semoga dengan nikmat yang diberikan tidak membuat kita lupa tujuan sebenar keberadaan kita di bumi Allah.

Kenaikan pangkat ini juga merupakan salah satu nikmat yang diterima beserta dengan amanah. Terima kasih pada pengurusan universiti yang memberi kepercayaan kepada saya bagi memikul tanggungjawab yang lebih besar. Tidak dilupakan sokongan dan tunjuk ajar dari semua ketua pejabat yang pernah saya berkhidmat, kerjasama dan dorongan rakan sekerja serta doa yang tidak pernah putus dari ibubapa dan keluarga saya.

Bagi semua warga UTeM, terus berbakti, ikhlas berkhidmat. Sesungguhnya sebelum kita menikmati keindahan pelangi, hujan gerimis pasti muncul. Jangan putus asa. Kekal positif.

Ahmad Faizal bin Abdul Rahman



Assalamualaikum waramatullah hi wabarakatuh dan salam sejahtera

Bersyukur saya Kehadrat Allah SWT Kerana dengan limpah Kurnia dan inayahnya masih lagi dapat meneruskan hidup sebagai Khalifah Allah di atas muka bumi ini. Selawat dan salam Ke atas Rasul junjungan Nabi Muhammad SAW, Keluarga baginda, para sahabat dan semua umat Islam.

Saya juga ingin merakamkan ribuan terima Kasih Kepada ibu saya, isteri dan anak-anak yang menjadi pencetus semangat dan motivasi dalam melaksanakan amanah sebagai Khalifah di atas bumi Allah ini.

Tidak dilupa juga kepada rakan-rakan di Pejabat Bendahari dan ORIM, Canselori Khasnya dan rakan-rakan di seluruh UTeM umumnya yang banyak memberi teguran, bantuan, bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan penuh kepada saya sepanjang 12 tahun saya berkhidmat di UTeM.

Semoga kita semua dipanjangkan usia, diberikan Kesihatan yang baik, dimudahkan rezeki serta dipermudahkan segala urusan hidup di dunia mahupun urusan hidup di akhirat...amin...amin Ya Rabbal Alamin....

Mahathir Mohd bin Habib Mohamed

**anugerah**

**PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG**

Diperkenal Bagi Mengiktiraf Penjawat Awan

Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) adalah pengiktirafan yang diberikan kepada penjawat awam yang mempunyai rekod kecemerlangan luar biasa dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan juga negara. Pingat PPC ini dizahirkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui Status Pingat Perkhidmatan Cemerlang. Anugerah PPC ini berbeza dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kerana ia diiktiraf sebagai pingat-pingat lain dan boleh dipakai oleh pegawai semasa menghadiri majlis rasmi.

Pada tahun 2013 ini seramai tiga (3) orang staf Universti Teknikal Malaysia Melaka dicadangkan bagi menerima Anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC). Namun begitu hanya seorang (1) sahaja yang terpilih untuk dianugerahkan PPC ini. Beliau ialah Dr. Nurul Akmar binti Emran dari Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK). Tahiah diucapkan dari seluruh warga Universiti.

**INSENTIF PPC**

- a Satu Pingat Perkhidmatan Cemerlang;
- b Sijil Pingat Perkhidmatan Cemerlang; dan
- c Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000.00

- a Pembangunan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja; dan
- b Pencalonan untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri.

**Tahniah!**

"Saya ingin memanjatkan kesyukuran dan pujian kepada Allah Taala di atas anugerah ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan pentadbir dan pensyarah di FTMK yang banyak membantu dan menyokong saya dalam melaksanakan tugas di dalam suasana yang 'competitive' tetapi 'condusive'."

Saya juga terhutang budi kepada mantan Ketua Jabatan Kejuruteraan Perisian, Dr Azah, yang sentiasa bermurah hati membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam mengadaptasi transisi dunia akademik sekembalinya saya pulang ke tanah air setelah tamat cuti belajar.

Tidak dilupai kepada mantan Dekan FTMK, Prof. Shahrin Sahib yang telah memberi kepercayaan dan peluang kepada saya untuk bersaing sebagai penerima anugerah PPC. Sesungguhnya anugerah ini telah menyuntik semangat untuk saya meneruskan dan melipatgandakan sumbangan kepada UTeM dan masyarakat sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa."



DR. NURUL AKMAR BINTI EMRAN



# Tahniah!

## TAMAT PENGAJIAN

oleh: Norsuria binti Azis

### Ijazah Sarjana

#### FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

**NURSABILLILAH BINTI MOHD ALI**  
Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanik Pada 24 Januari 2014 dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

#### FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

**NIK AZRAN BIN AB HADI**  
Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik Pada 11 Disember 2013 dari University Of Swansea, United Kingdom.

**KHALIL AZHA BIN MOHD ANNUAR**  
Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik dan Kawalan Automatik) pada 5 Februari 2014 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

**NORLEZAH BINTI HASHIM**  
Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik-Elektronik & Telekomunikasi pada 5 Februari 2014 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

**SITI HALMA BINTI JOHARI**  
Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik Industri dan Kawalan pada 27 Februari 2014 dari Universiti Malaya (UM).

**SUZIANA BINTI AHMAD**  
Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik Industri dan Kawalan pada 27 Februari 2014 dari Universiti Malaya (UM).

### Ijazah Doktor Falsafah

#### FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

**AZRUL AZWAN BIN ABDUL RAHMAN**  
Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Kejuruteraan Pembuatan pada 15 Oktober 2013 dari Technische Universitat Berlin, Jerman

#### FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

**FATIMAH AL-ZAHRAH BINTI MOHD SA'AT**  
Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Kejuruteraan Mekanikal pada 1 Disember 2013 dari University of Leicester, United Kingdom.

30

#### FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

**FAZLLI BIN PATKAR**  
Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Kejuruteraan Elektrik pada 11 Disember 2013 dari Liverpool John Moores University, United Kingdom.

**SAIFULZA BIN ALWI @ SUHAIMI**  
Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer pada 31 Disember 2013 Dari Yokohama National University, Jepun.

**HIDAYAT BIN ZAINUDDIN**  
Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Kejuruteraan Voltan Tinggi pada 20 November 2013 dari University Of Southampton, United Kingdom.

#### FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

**ABDUL SYUKOR BIN MOHAMAD JAYA**  
Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Sains Komputer pada 15 November 2013 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

**MOHD SANUSI BIN AZMI**  
Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Sains Komputer pada 17 Disember 2013 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Praised to Allah as I have completed my PhD on September 2013. I am very lucky to have an opportunity to pursue my studies as one of UTeM Fellow. I realize that in order to equip myself with the global competence, mobility is important for the globalization agenda. Being chosen as the exchange student to Imperial College London for an attachment has added value to my research and increase my exposure to the latest development in the research. Furthermore I also attended international conferences and present my research findings in order to establish networking with other research counterparts. The life of a post graduate student is not only in research, as a student we need to be independent, creative and innovative. The relationships with all the university staff and other post graduate members have made my days in post graduates school are worth to remember. The joy of working and laughing together can be seen in the laboratory while doing the research works and activities organized by the postgraduate club. It is really all about people and relationship and getting over the obstacles that arise all the way as being a post-graduate student.




**Dr. Syahriza binti Ismail**  
Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Bahan pada 25 Ogos 2013 dari Universiti Sains Malaysia

31



Kehidupan saya sebagai seorang pelajar PhD adalah sangat mencabar. Mulai 1 Mei 2010, saya telah mendaftar sebagai 'research student' di Tohoku University, Sendai, Japan. Setelah lulus dalam perbentangan dan temu duga, saya mulai pengajian PhD saya pada 1 Oktober 2010. Tetapi malang tidak berbau, pada semester pertama pengajian PhD saya, satu gempa bumi yang bermagnitud 9 dan tsunami telah berlaku di kawasan Tohoku pada 11 Mac 2011. Pengalaman ngeri tersebut tidak akan dilupakan sepanjang umur hidup saya. Pada masa itu, saya masih berada di dalam lab untuk menyiapkan kerja. Gegaran yang kuat selama 4-5 minit telah menyebabkan semua barang termasuk buku dan komputer jatuh dan berselerak di atas lantai dan saya terpaksa bersembunyi di bawah meja dengan tangisan yang tidak berhenti-henti.

Selepas gempa bumi tersebut, dalam keadaan yang sejuk dan bersalji, tiada elektrik, air, internet serta makanan yang tidak mencukupi, kami terpaksa tinggal di 'evacuation center' untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan Jepun. Setelah seminggu, atas bantuan pihak kedutaan Malaysia di Tokyo serta Unit Cuti Belajar, UTeM, saya selamat pulang ke Malaysia. Terima kasih diucapkan kepada pihak kedutaan Malaysia dan UTeM atas bantuan yang dihulurkan semasa itu. Pada masa itu, Tohoku University terpaksa ditutup untuk jangka masa sebulan.



**Dr Liew Pay Jun**

Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sistem Mekanikal dan Reka Bentuk pada 25 September 2013 dari Tohoku University, Jepun.

Setelah sebulan, sekembali ke Sendai, Japan, saya menerima berita buruk dari "labmate" bahawa kebanyakan mesin di dalam lab telah rosak, termasuk juga mesin micro EDM yang saya gunakan untuk membuat eksperimen. Setelah tempoh lebih 3 bulan, lab telah kembali ke normal.

Perjuangan untuk menghabiskan PhD diteruskan walaupun dalam keadaan trauma selepas gempa bumi. Sehingga di tahun 2, saya menerima satu lagi berita buruk dimana penyelia saya akan berpindah ke universiti lain setelah mendapat tawaran yang lebih baik. Berita tersebut menyebabkan saya hilang arah tuju dan akhirnya saya mengambil keputusan untuk menghabiskan pengajian saya di Tohoku University. Konflik di antara penyelia baru dan penyelia lama dalam penyelidikan saya menambah lagi tekanan dalam pengajian saya.

Walaupun pelbagai cabaran telah dihadapi di sepanjang pengajian saya, saya bersyukur kerana masih mampu menamatkan pengajian PhD saya dalam tempoh masa 3 tahun. Segala jerit perih sepanjang pengajian hilang selepas sesi viva kedua saya pada 12 Julai 2013.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada suami saya yang menemani saya mulai tahun kedua pengajian saya, rakan-rakan yang sentiasa memberi dorongan, Bahagian Cuti Belajar UTeM serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang membiayai pengajian saya. Semoga rakan-rakan yang sedang melanjutkan pengajian PhD juga berjaya di suatu hari nanti.



Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan RahmatNya, saya telah berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Komputer di Universiti Teknologi Malaysia dengan tajuk tesis *Modeling of Physical Vapor Deposition Coating Process Using Response Surface Methodology and Adaptive Neuro-Fuzzy Inference System*. Ucapan terima kasih kepada mak abah yang selalu mendoakan, isteri dan anak-anak yang selalu menghibur di kala suka dan duka, para penyelia yang sentiasa menjadi guru dan rakan-rakan yang sentiasa mendorong. Ucapan terima kasih juga kepada pihak UTeM dan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menaja pengajian saya.

Peristiwa kemalangan jalanraya yang menimpa isteri dan anak pertama saya di Johor Bahru seolah-olah membisik ke telinga agar saya segera melanjutkan pengajian di peringkat PhD di UTM Skudai. Tatkala itu saya duduk berjauhan dengan isteri yang bertugas di sana. Pada Julai 2009 saya mula mendaftarkan diri di perbukitan Skudai. Halatuju penyelidikan saya di awal semester masih lagi terumbang-ambing. "The easiest way to accomplish your PhD is by continuing what people have done", kata seorang pensyarah UTM kepada kami. Justeru, setelah saya berbincang dengan Prof. Dr. Mohd. Razali bin Muhamad, saya mengambil keputusan untuk menyambung penyelidikan yang dibuat oleh PM Dr. Md. Nizam Abd. Rahman, salah seorang staf FKP UTeM. Alhamdulillah, cara ini sangat memudahkan saya terutamanya dalam menentukan latar belakang masalah, objektif dan skop penyelidikan, bahan rujukan, cara eksperimen dijalankan dan permodelan.

Sepanjang pengajian, semua pelajar akan merasai pengalaman yang sukar dan mencabar. Ia harus ditempuhi dengan sabar agar dapat diselesaikan dengan baik. Eksperimen saya tergendala tatkala mesin PVD di FKP, UTeM telah rosak. Alhamdulillah, akhirnya mesin dapat diperbaiki dan saya dapat menjalankan eksperimen walaupun pada semester ke-6 dan setelah hampir satu tahun menunggu. Selain itu, saya juga menghadapi cabaran dalam membuat pengukuran sampel dan membina model menggunakan teknik kepintaran buatan. Alhamdulillah, semua cabaran dapat dihadapi dengan bantuan dari semua pihak.

Doa adalah senjata bagi orang mukmin. Saya teringat pesan Dr. Zahazan Mohamed kepada saya selepas beliau tahu yang saya adalah seorang pelajar PhD. "Saudara, dekatkan diri kepada Allah, minta ibu bapa doakan kita walaupun mereka mertua kita dan banyakkkan bersedekah", kata beliau. Pesanan ini telah menjadi 'majun' kepada saya yang selalu menghadapi kebuntuan untuk menyelesaikan masalah dalam penyelidikan.

Sesi viva adalah saat yang paling mendebarkan buat saya dan para penyelia. Selepas pembentangan selama 20 minit, saya dipersilakan duduk oleh pengerusi viva agar sesi soal-jawab antara saya dan pemeriksa lebih santai. Alhamdulillah, sesi viva berlangsung selama dua jam setengah dan saya dianugerahkan PhD dengan *minor correction* dalam tempoh satu bulan. Pada tengahari itu, saya segera menelefon mak untuk memberitahu berita tersebut dan saya hampir menitikkan air mata setelah beliau berkata, "Alhamdulillah, mak dan abah bangun tahajjud malam tadi untuk doakan kau". Hebatnya mak dan abah.

Justeru, kejayaan ini bukan kejayaan saya. Tapi kejayaan semua.



**Dr. Abdul Syukor bin Mohamad Jaya**  
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
PhD (Sains Komputer) Universiti Teknologi Malaysia  
15 November 2013



Tanggal 11 Februari 2014 jam 7.14 malam, beliau menghembuskan nafas terakhir di sisi isteri dan anak-anak tercinta setelah 3 hari dimasukkan ke wad Hospital Besar Melaka. Perginya seorang ayah kepada 4 orang anak dan datuk kepada empat orang cucu. Bagi aku, beliau adalah seorang sahabat yang sangat setia, sentiasa bersama walaupun dalam keadaan kesihatannya yang sangat uzur.

Menelusuri saat-saat sebelum kembalinya ke pangkuan Ilahi, aku sering mendapat panggilan telefon dan whatsapp dari arwah yang memberitahuku tentang keadaan kesihatannya. Pernah beberapa kali aku mendapat pesanan melalui whatsapp dan sms pada jam 2 atau 3 pagi mengatakan beliau tidak dapat tidur kerana kesakitan, katanya seperti ada yang mengganggu tidurnya. Aku sering menasihatkannya supaya banyakan berzikir dan berselawat. Beliau seorang yang istiqamah dalam beribadah dan kebanyakan waktu malamnya dihabiskan dengan qiamullail dan berzikir sehingga waktu pagi walaupun dalam keadaan kesihatannya yang sangat uzur.

Pada suatu hari ketika aku berada di Johor Bahru, aku mendapat pesanan melalui whatsapp dari beliau yang meminta aku datang ke rumahnya kerana kesihatannya semakin teruk dan sangat sukar untuk bernafas. Pada jam 5 petang aku bersama 3 orang rakan lantas bergegas ke rumah arwah dan tepat jam 8 malam kami sampai di rumah arwah di Taman Penghulu Jabbar, Bukit Katil. Memang benar seperti yang dikatakan, beliau terlalu sukar untuk bernafas, mungkin kerana masalah jantungnya yang sangat lemah atau paru-parunya sudah dipenuhi air. Aku dan rakan-rakan lantas membantu merawat setakat yang mampu sambil membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan memohon doa ke hadirat Ilahi semoga arwah diberi kesembuhan. Alhamdulillah selepas satu jam bertungkus lumus merawat, arwah telah boleh bernafas seperti biasa dan sudah boleh bercakap seperti sedia kala.

Selang beberapa hari kemudian, aku mendapat pesanan melalui sms dari arwah yang beliau telah ditempatkan di wad Hospital Besar Melaka kerana kesukaran bernafas. Keesokan harinya aku mendapat panggilan dari isteri arwah yang beliau telah dimasukkan ke CCU. Selepas pulang dari pejabat, aku pun terus ke Hospital dan

aku dapati keadaannya dalam keadaan separa sedar dan kelihatan sudah terlalu uzur. Keesokan harinya, jam 6.30 petang aku mendapat panggilan dari seorang rakan yang menziarahi arwah di Hospital, mengatakan beliau berada dalam keadaan tenat dan sudah tidak sedarkan diri. Aku sampai di Hospital tepat jam 7.10 petang dan ketika itu aku dapati arwah sudah tidak sedarkan diri dan kelihatan isteri arwah sedang menangis sambil mendakap suaminya. Ketika itu, tiada apa yang dapat aku lakukan selain memohon kepada Allah supaya rohnyanya dikembalikan dalam keadaan tenang. Pada jam 7.30 malam, doktor mengesahkan arwah telah pergi buat selamanya tepat pada jam 7.14 malam itu. Selepas dimaklumkan oleh anak arwah yang jenazahnya akan dikebumikan pada malam itu juga, aku serta rakan-rakan tetap setia menunggu sehingga majlis pengebumiannya selesai dijalankan.



Haji Ismail Bin Mohd Nor @ Md Nor

# Dalam Kenangan

oleh: Mohamad Yusof bin Mohamad Dan

## Al-fatihah

Semoga roh Allahyarham ditempatkan bersama dengan orang-orang yang beriman

aku dapati keadaannya dalam keadaan separa sedar dan kelihatan sudah terlalu uzur. Keesokan harinya, jam 6.30 petang aku mendapat panggilan dari seorang rakan yang menziarahi arwah di Hospital, mengatakan beliau berada dalam keadaan tenat dan sudah tidak sedarkan diri. Aku sampai di Hospital tepat jam 7.10 petang dan ketika itu aku dapati arwah sudah tidak sedarkan diri dan kelihatan isteri arwah sedang menangis sambil mendakap suaminya. Ketika itu, tiada apa yang dapat aku lakukan selain memohon kepada Allah supaya rohnyanya dikembalikan dalam keadaan tenang. Pada jam 7.30 malam, doktor mengesahkan arwah telah pergi buat selamanya tepat pada jam 7.14 malam itu. Selepas dimaklumkan oleh anak arwah yang jenazahnya akan dikebumikan pada malam itu juga, aku serta rakan-rakan tetap setia menunggu sehingga majlis pengebumiannya selesai dijalankan.



Arwah Haji Ismail adalah seorang yang berjiwa besar, sentiasa bersemangat dan sangat tabah dalam menjalani kehidupan. Dalam keadaannya yang sangat uzur, beliau masih mampu membawa kereta untuk menjalani rawatan hemodialisis dan pergi bekerja. Dalam keuzurannya juga beliau sering datang menziarahi aku di pejabat walaupun dalam keadaan tercungap-cungap semata-mata untuk bertanyakan khabar dan berbincang tentang isu-isu semasa terutamanya tentang perkembangan agama. Pemergiannya merupakan satu kehilangan besar bagi aku dan berharap aku diberi kekuatan oleh Yang Maha Esa untuk menyambung risalah keNabian walaupun tanpa arwah di sisi.

Begitulah berakhir suatu episod perjalanan kehidupan seorang insan yang sangat kental jiwanya dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan. Sebelum bertugas di UTeM, arwah pernah bekerja selama 7 tahun sebagai Pembantu Hal Ehwal Islam di Jabatan Agama Islam Melaka. Setiap kali bersamanya, beliau sering menceritakan pengalamannya semasa menjalankan operasi mencegah maksiat. Yang menyeronokkan, apabila beliau berbicara pasti akan ada unsur-unsur lawak yang diselitkan. Cerita-ceritanya itu, ditambah dengan mimik muka yang bersahaja, membuatkan aku kadangkala ketawa sendirian.

# Tahniah!

## PERKAHWINAN & KELAHIRAN


info

oleh: Faridah binti Ahmad




Muhamad Hazrul bin Md Esa & Nur Aishah binti Shafie

Percaya dengan jodoh ketentuan Allah, kami nekad menyemai CINTA hanya setelah sah diijabkabulkan. Perhubungan hanya pada batas pesanan ringkas dan panggilan telefon benar-benar menduga redha kami pada ketentuan Ilahi. Alhamdulillah, manisnya CINTA kini kami rasai setelah sah bergelar suami isteri. Doa kami agar ikatan CINTA ini biar kekal BAHAGIA HINGGA KE SYURGA. Amin.



Nama: Aleesya Nur Safiyah binti Amirul Rasyid  
DOB: 14 Februari 2014  
Ayah: Amirul Rasyid bin Mohamad





## ROAD SHOW

# Taklimat Pindaan Peraturan Akademik & Panduan Sistem Peraturan Akademik Terkini

oleh: Marsita binti Mohd Taib & Azhar bin Ismail

Road Show taklimat pindaan Peraturan & Panduan Akademik telah diadakan dalam tiga (3) siri. Siri pertama telah diadakan pada 17 Januari 2014, mulai jam 8 -10 pagi bertempat di Auditorium, Bangunan Canselor dengan sasaran kehadiran seramai 154 orang staf akademik bagi FKEKK dan PBPI. Siri kedua pula dianjurkan pada sebelah petang pada hari dan lokasi yang sama. Fakulti yang terlibat iaitu FKP & FTMK dengan sasaran penyertaan seramai 137 orang. Siri ketiga dan terakhir telah diadakan pada petang 13 Februari 2014, bertempat di Dewan UTeM 1, Kampus Industri. Sasaran penyertaan pada sesi terakhir ini adalah yang paling ramai sekitar kira-kira 307 orang iaitu daripada FKE, FKM, FTK & FPTT. Kehadiran sebenar peserta di setiap sesi secara puratanya dianggarkan kira-kira 75% daripada jemputan yang telah dikeluarkan di peringkat Fakulti.

Selain dihadiri oleh Dekan-Dekan Fakulti pada setiap slot masing-masing, Road Show juga telah dihadiri oleh Y.Bhg. Datuk Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM. Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar bertindak selaku urus setia Road Show serta turut dilibatkan adalah penyertaan pegawai dari Unit-Unit yang lain di BPA pada siri pertama taklimat.

Secara keseluruhannya, Road Show ini telah berlangsung dengan jayanya, serta telah menerima sambutan yang sungguh menggalakkan terutama menerusi sesi soal-jawab serta maklum balas pertanyaan yang diterima di kalangan para Pensyarah yang hadir. Justeru, dengan penganjuran Road Show seumpama ini telah pun berjaya meningkatkan kefahaman secara total serta kesedaran secara menyeluruh terhadap pindaan Peraturan Akademik & Panduan Sistem Peraturan Akademik terkini di kalangan warga Universiti tanpa menimbulkan interpretasi yang pelbagai.

Selaras dengan pindaan untuk penambahbaikan terhadap dokumen Peraturan Akademik & Panduan Sistem Peraturan Akademik Universiti yang terkini, maka inisiatif telah digerakkan ke arah menguar-uarkan hebahan terhadap seluruh warga kerja khususnya di kalangan staf akademik mengenai pindaan yang telah dilakukan tersebut.

Atur cara majlis taklimat bermula dengan mukadimah ringkas berkaitan keputusan-keputusan dasar seperti yang terkandung di dalam surat Jabatan Pengajian Tinggi berhubung Dasar Jaminan Kualiti di dalam konteks Universiti serta menyampaikan rasional keputusan yang telah diputuskan di peringkat Mesyuarat Senat atau Jawatankuasa Tetap Senat termasuklah maklumat berkaitan program-program akademik atau Fakulti baharu secara

**aktiviti**  
 Tarikh : Rabu, 11 Disember 2013  
 Program : Motivasi Bulanan  
 Tajuk : My Heart  
 Skop Kupasan : Mendidik Hati  
 Penceramah : Encik Mohammad Azwan bin Rosli  
 Penolong Pengarah,  
 Bahagian Perkhidmatan Psikologi  
 Jabatan Perkhidmatan Awam

## Coretan Aktiviti Bahagian Kesejahteraan Personel

Oleh : Muhamad Hazrul bin Md Esa K.B, PA (Mal)

Hidup bukan satu pentas enteng yang mudah kita harungi. Penuh cerita, suka duka bagaikan mainan masa. Acapkali sedang tertawa dilamun bahagia, derita datang tanpa diduga. Hati yang ria jadi tawar duka.

Dalam mengharungi kehidupan ini, emosi adalah satu aspek penting yang sentiasa perlu kita jaga. Mainan emosi ini berkisar dalam hati untuk memastikan pelayaran kehidupan kita biar sentiasa dilambung ombak gembira, hati perlu dididik agar sentiasa bersilat mulia. Perlu kita sematkan nilai-nilai baik dalam hati. Sabar, ikhlas, tenang, redha dan sebagainya. Andai didikan ini sudah sebatu dalam hati, nescaya apapun cabaran dan dugaan datang silih berganti, hati pasti kuat mengharungi.



**Tarikh** : Selasa, 17 Disember 2013  
**Program** : Motivasi Bulanan  
**Tajuk** : Siapa Aku Disisimu  
**Skop Kupasan** : Motivasi Pembangunan Kendiri  
**Penceramah** : Ustaz Nizam Bin Ali  
 Pegawai Agama, Pejabat Pendidikan Agama Daerah Ledang

Dalam menjalani kehidupan, kita sebenarnya menggalas pelbagai tanggungjawab yang diamankan ke atas kita. Setiap dari kita memiliki tanggungjawab tersendiri. Tanggungjawab ini bagaikan satu amanah yang perlu kita galas dan perlu kita lunaskan. Sejuah manakah kita berusaha melunaskan tiap amanah yang diberi, memperlihatkan siapa diri kita yang sebenarnya. Hakikatnya kini, ramai antara kita tersungkur dari melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Lela, Lalai, Lena dalam khayalan yang direka. Amanah yang digalas, terlerai begitu sahaja. Tiada rasa bersalah, tiada rasa terkilan.

Perlu kita sematkan dalam diri kita, betapa pentingnya melaksanakan tanggungjawab dan amanah terhadap Pencipta, agama, keluarga, bangsa dan juga organisasi. Bagaimana kita menjaga tiap amanah yang dipikul, mencerminkan siapa sebenarnya diri kita.



**Tarikh** : Selasa, 4 Mac 2014  
**Program** : Motivasi Bulanan  
**Tajuk** : Seronoknya Bekerja  
**Skop Kupasan** : Motivasi Kerja  
**Penceramah** : Dr. Haji Ridzuan bin Mohd Sagir  
 Motivator

Kita seringkali terlupa, tempat kerja bagaikan rumah kedua kita. Malahan, andai difikirkan dengan lebih teliti, lebih banyak masa sedar yang kita habiskan di tempat kerja. Sebagai contoh, kerja waktu pejabat bagi penjawat awam, bermula dari jam 8 pagi sehingga 5 petang, 9 jam, satu tempoh yang lama. Hitung pula masa berada di rumah. Jam 6 petang mungkin telah tiba di rumah. Andaikan tidur pada jam 11 malam. 5 jam waktu sedar. Bangun pada jam 5 pagi dan bersiap sehingga jam 7 pagi. 2 jam waktu sedar. Jadi, hanya 7 jam waktu sedar di tempat kerja berbanding di rumah. Bahagia di tempat kerja sama pentingnya seperti bahagia di rumah, malahan ianya juga akan memberi impak akan emosi ketika di rumah.

Bina suasana bahagia di tempat kerja. Kita juga perlu sentiasa bersikap mesra dan positif dengan setiap individu di sekeliling kita di tempat kerja. Perlakuan positif ini akan memberi impak positif secara langsung kepada kita dan kita sendiri akan merasa lebih tenang dan bahagia. Sentiasalah menjaga perhubungan dengan rakan sekerja demi memastikan rumah kedua kita ini sentiasa bahagia.





## CARTA ORGANISASI

**Akmal Abdul Manap**  
Penolong Pendaftar Kanan  
N44



Penolong Pendaftar  
N41

**Norsuria Azis**  
Penolong Pendaftar  
N41



**Erdalia Erna Daud**  
Penolong Pegawai  
Tadbir Kanan  
N32



**Mohd Nazrul  
Mohd Shafri**  
Pembantu Tadbir  
N17



**Hajar Suriati  
Othman**  
Pembantu Tadbir  
N17



**Khairul Arifin  
Hj. Md Di**  
Pembantu Tadbir  
N17



**Rohaizan Abas**  
Pembantu Operasi  
N11



oleh: Erdalia Erna binti Daud

## FUNGSI BAHAGIAN

**UNIT TRANSFORMASI KERJAYA**  
Pegawai: Norsuria Azis

- 1 Menguruskan permohonan skim pembangunan kerjaya staf UTeM termasuk Skim Cuti Belajar, Skim Sangkut Industri, Skim Cuti Sebatikal, Skim Post Doctoral, Skim Fellowship, Skim Jurutera Professional dan Skim Cuti Belajar Pentadbiran.
- 2 Mengenal pasti, mewujudkan dan memantau pelaksanaan serta mencadangkan penambahbaikan polisi-polisi transformasi kerjaya staf UTeM selaras dengan keperluan Universiti dan KPM.
- 3 Menganalisa pencapaian/kedudukan semasa Universiti untuk Program Pembangunan Kerjaya agar memenuhi KPI, Pelan Strategik Pejabat Pendaftar dan Universiti serta mengenal pasti masalah pelaksanaan/potensi masalah serta mencadangkan langkah penambahbaikan.
- 4 Membuat analisa terhadap keperluan Skim Pembangunan Kerjaya sedia ada dan menyediakan rumusan/cadangan yang berkaitan (termasuk peruntukan kuota dan kewangan).
- 5 Pengurusan pembayaran elaun dan tuntutan bayaran sepanjang pengajian.
- 6 Membuat penanda arasan program transformasi kerjaya dengan Universiti lain di dalam dan di luar Negara
- 7 Membuat analisa dan pemantauan terhadap prestasi dan laporan kemajuan staf cuti belajar bagi kursus Sarjana dan Doktor Falsafah.
- 8 Mengenal pasti permasalahan utama staf cuti belajar di dalam dan luar negara dengan mengadakan lawatan berkala agar permasalahan yang ada dapat diselesaikan.

**UNIT PENAZIRAN & PEMANTAUAN**  
Pegawai: Norsuria Azis

- 1 Menguruskan segala keperluan staf yang kembali lapor diri termasuk tuntutan elaun dan pembayaran selepas tamat cuti belajar.
- 2 Menguruskan segala urusan pelanggaran perjanjian serta pecah kontrak melibatkan skim-skim yang ditawarkan oleh Bahagian Cuti Belajar.
- 3 Bekerjasama dengan Pejabat Perundangan Universiti dalam menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan pelanggaran kontrak perjanjian agar ianya tidak menimbulkan impak yang negatif kepada Universiti.
- 4 Menyelaras tindakan tatatertib terhadap staf yang pecah kontrak atau melanggar perjanjian skim-skim di dalam Bahagian Cuti Belajar.
- 5 Menjalankan siasatan dan pemantauan ke atas kes-kes pecah kontrak
- 6 Menguruskan statistik analisa pengajian staf yang telah menamatkan pengajian.
- 7 Memantau staf yang telah lapor diri tetapi belum menamatkan pengajian.
- 8 Mengenal pasti permasalahan utama staf cuti belajar di dalam dan luar negara dengan mengadakan lawatan berkala agar permasalahan yang ada dapat diselesaikan.
- 9 Pemantauan bayaran gantirugi staf-staf yang telah disahkan pecah kontrak dan mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Cuti Belajar mengenai status pembayaran balik.
- 10 Mengeluarkan surat pengesahan penganugerahan PhD dan Sarjana.

**UNIT PENGURUSAN KAWALAN**  
Pegawai: Erdalia Erna Daud

- 1 Mengajukan kursus-kursus persediaan sebelum staf akademik mengikuti Cuti Belajar seperti Kursus Kaedah Penyelidikan, Ujian IELTS, Biro Tatanegara dan sebagainya.
- 2 Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program-program seperti Program Jati Diri NLP, Program Transformasi Ke Arah Pencapaian Globalisasi Bagi Staf Sedang Cuti Belajar Dalam Negara, Program Lonjakan Akademik dan lain-lain program yang dapat memantapkan lagi pengurusan.
- 3 Penyelaras pengambilan Skim Fellow dan memantau keseluruhan pengajian dan keperluan Fellow sehingga tamat pengajian.
- 4 Pengendalian pengurusan aset dan pengurusan bekalan dan peralatan pejabat bagi keperluan Bahagian Cuti Belajar.
- 5 Menganjur taklimat berkaitan Skim-skim di bawah Transformasi Kerjaya kepada staf UTeM sebagai maklumat sebelum permohonan dibuat.
- 6 Segala perkara yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran Bahagian.
  - Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar
  - Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kursus Kaedah Penyelidikan
  - Menyediakan laporan bulanan/tahunan bahagian bagi tujuan penyaluran maklumat.
- 7 Menyelaras dokumen ISO Bahagian Cuti Belajar dan Fail Meja Bahagian.
- 8 Menyelaras dan melaksanakan segala urusan berkaitan pengurusan dan pentadbiran Bahagian seperti:
  - Penyediaan bajet perjawatan dan bajet mengurus
  - Menyelaras penilaian prestasi staf Bahagian.
  - Menyelaras permohonan-permohonan berkaitan pentadbiran Bahagian.





# Hari Keluarga Pejabat Pendaftar

15 MAC 2014  
DEWAN SUKAN UTeM



Pejabat Pendaftar  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal Melaka

Tel. : 06-555 2000  
Faks : 06-331 6114  
email : [pendaftar@utem.edu.my](mailto:pendaftar@utem.edu.my)